



KERATAN AKHBAR

ISU-ISU SEMASA INTEGRITI

TAHUN 2025 (JANUARI)

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



SINAR HARIAN

01.01.2025 (RABU)

Padah rasuah polis, warga asing dipenjara 2 bulan

KUANTAN - Seorang pekerja pasar borong warga Myanmar dihukum penjara dua bulan selepas mengaku salah memberi suapan RM200 kepada anggota polis di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa.

Tertuduh, Muhammed Shafi Muhammed Taher, 28, didakwa melakukan perbuatan itu bagi mengelak dikenakan tindakan selepas ditahan memandu tanpa lesen.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu ketika sekatan jalan raya di hadapan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cameron Highlands jam 12.30 tengah hari pada 26 Disember lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa dengan pertuduhan pilihan mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksaan dengan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suriawani Abdul Rahim.

Berdasarkan fakta kes, seorang anggota polis berpangkat Sub Inspektor menjalankan tugas sekatan jalan raya melakukan pemeriksaan terhadap kenderaan Proton Saga dipandu tertuduh.

Hasil pemeriksaan, lelaki warga Myanmar yang juga pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) tidak mempunyai lesen memandu dan dikenakan saman.

Pengadu mengarahkan tertuduh menghubungi rakannya bagi mengambil kenderaan dipandunya sebelum tertuduh menawarkan wang RM200 supaya membenarkannya membawa sendiri.

Tertuduh diberikan amaran, namun berkeras dengan meletakkan wang di atas meja.

Pengadu kemudian bertindak menahan tertuduh manakala wang RM200 berkenaan juga dirampas.

Hakim Sazlina Safie kemudian memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara bermula Selasa manakala wang dirampas dilucutkan hak.



SINAR HARIAN

01.01.2025 (RABU)

JPJ serah kes ada unsur rasuah, salah guna kuasa kepada SPRM

SHAH ALAM - Jabatan Pengangkutan Jalan menyerahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya terdapat unsur salah guna kuasa berkaitan kes sebuah kenderaan yang dianggap tidak selamat tetapi didapati lulus pemeriksaan di Puspakom Wangsa Maju pada Isnin.

Pengarah Kanan Penguat Kuasa JPJ, Muhammad Kifli Ma Hassan berkata, dua kakitangan Puspakom dirakam keterangan berhubung kes berkenaan.

Beliau berkata, kesemua individu berkenaan tiba di Ibu Pejabat JPJ Putrajaya kira-kira jam 10.30 pagi Selasa.

Menurutnya, siasatan dijalankan tertumpu kepada elemen penguatkuasaan, teknikal

dan integriti.

"JPJ akan menekankan soal kesalahan atau kerosakan teknikal melibatkan kenderaan dan sebab ia diluluskan, namun fokus utama adalah integriti serta salah laku.

"Sekiranya didapati berlaku pelanggaran peraturan dan prosedur yang menjurus kepada salah guna kuasa dan rasuah, ia akan diserahkan kepada SPRM," katanya pada Selasa.

Tambah Muhammad Kifli, pihaknya turut mengesyorkan



MUHAMMAD KIFLI

beberapa perkara untuk meningkatkan penguatkuasaan.

Ia akan dirangkumkan dalam beberapa cadangan untuk diangkat kepada Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, ujanjarnya.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan Ops Mengejut Puspakom dilaksanakan di seluruh negara pada Isnin.

Ia bertujuan untuk memastikan setiap kenderaan yang diperiksa mematuhi standard ditetapkan.



HARIAN METRO

02.01.2025 (KHAMIS)

Ayer Kechil: Seorang pengarah urusan syarikat swasta direman enam hari bagi membantu siasatan kes rasuah bagi mendapatkan gelaran Datuk Seri daripada sebuah negeri kira-kira tiga tahun lalu.

Perintah itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi SR Arthana berkuat kuasa semalam hingga 6 Januari untuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melengkapkan siasatan kes itu.

Sumber berkata, lelaki berusia 62 tahun itu ditahan jam 5.35 petang kelmarin di Pejabat SPRM Melaka.

Bulan lalu, dua individu termasuk seorang wanita, masing-masing seorang pengurus syarikat swasta di Selangor, juga ditahan bagi membantu siasatan kes sama.

Menurut sumber, siasatan dijalankan terhadap lelaki itu berhubung permintaan dan penerimaan rasuah lebih RM375,000 daripada seorang individu bagi mendapatkan gelaran Datuk Sri dari sebuah negeri yang dilakukan secara bersindiket.

Pengarah urusan direman enam hari



TERTUDUH yang berusia 62 tahun itu ditahan jam 5.35 petang kelmarin di Pejabat SPRM Melaka.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009, sabit kesalahan boleh didenda minimum lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi dan penjaranya maksimum 20 tahun.

“Siasatan dijalankan berhubung meminta, terima rasuah lebih RM375,000”
Sumber

Terdahulu, lelaki yang berpakaian baju lokap SPRM berwarna jingga tiba di mahkamah, jam 9.15 pagi dengan menaiki kenderaan khas SPRM.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan reman berkenaan.



SINAR HARIAN

02.01.2025 (KHAMIS)

Pengarah urusan direman, kes rasuah pingat Datuk Seri RM375,000

MELAKA – Seorang pengarah urusan syarikat swasta direman enam hari bermula Rabu hingga Isnin ini bagi membantu siasatan kes rasuah setelah disyaki menjual gelaran Datuk Seri dari sebuah negeri.

Perintah reman terhadap lelaki berumur 62 tahun yang bekerja di Selangor itu dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar S R Arthana di Mahkamah Majistret di sini pada Rabu selepas mendapat permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM).

Suspek yang berpakaian baju lokap SPRM berwarna jingga tiba di mahkamah kira-kira jam

9.15 pagi dengan menaiki kenderaan khas SPRM diiringi pegawai penguat kuasa SPRM.

Sumber berkata, suspek ditahan di Pejabat SPRM Melaka bagi membantu siasatan yang dijalankan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009, kira-kira jam 5.35 petang Selasa.

Media sebelum ini melaporkan dua pengurus syarikat swasta di Selangor juga ditahan berhubung isu sama.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A).



Suspek direman enam hari bermula Rabu hingga Isnin bagi membantu siasatan kes rasuah setelah disyaki menjual gelaran Datuk Seri dari sebuah negeri.



SINAR HARIAN

04.01.2025 (SABTU)

Warga asing cuba rasuah polis kena reman

KUALA SELANGOR - Seorang warga Bangladesh direman selama tujuh hari di Mahkamah Majistret Kuala Selangor bagi membantu siasatan rasuah sebanyak RM3,900 kepada anggota polis.

Perintah reman bermula pada Jumaat itu dikeluarkan Majistret Siti Hajar Ali selepas meneliti permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber SPRM, suspek berusia 35 tahun itu ditahan jam 1.10

tengah hari semasa hadir memberikan keterangan di pejabat SPRM Cawangan Kuala Selangor pada Khamis.

Sumber itu memberitahu, siasatan dijalankan berikutan pekerja kilang itu disyaki cuba memberikan rasuah kepada anggota polis di Balai Polis Kuala Selangor pada Rabu.

"Perbuatan itu dilakukan sebagai dorongan untuk melepaskan seorang rakannya yang ditahan atas kesalahan curi di bawah Seksyen 380 Kanun Keseksaan," katanya.



SINAR HARIAN

04.01.2025 (SABTU)

Ejen seludup PATI gagal sogok pegawai polis RM50,000

KOTA BHARU - Seorang ejen sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan reman tiga hari di Mahkamah Majistret di sini pada Jumaat bagi membantu siasatan cubaan menyogok pegawai polis dengan wang tunai RM50,000 bagi melepaskan dirinya dan tiga tekong Disember lalu.

Suspek yang berbaju lokap tiba di Kompleks Mahkamah Kota Bharu dengan dibawa menggunakan kenderaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada jam 9.40 pagi.

Pada 7 Disember lalu, Op Taring Wawasan Kelantan dijalankan sepasukan Briged Tenggara dan Batalion 9 Pasukan Gerakan Am Polis Diraja Malaysia pada jam 6.30 pagi.

Pasukan operasi mengesan tiga kereta jenis Honda Civic, Perodua Myvi dan Ativa dalam keadaan mencurigakan di tepi semak di Jalan Sri Cemerlang di sini.

Ketiga-tiga kenderaan itu ditahan sebelum tangkapan dibuat terhadap tiga lelaki tempatan berusia 27 hingga 32 tahun disyaki berperanan sebagai tekong.

Turut ditahan, 16 PATI warga Myanmar membabitkan 11 lelaki, empat wanita serta seorang kanak-kanak.

Soal siasat polis terhadap salah seorang tekong membawa kepada penangkapan ejen sindiket berusia 25 tahun berhampiran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini.

Semasa dalam perjalanan ke balai polis, ejen terbabit dipercayai cuba menyerahkan wang tunai kepada pegawai



Suspek (kiri) memakai baju lokap SPRM hadir ke Kompleks Mahkamah Kota Bharu di Tunjong pada Jumaat.

operasi dan merayu dilepaskan bersama tiga tekong tempatan.

Pegawai operasi bagaimanapun memberi supaya amaran tidak berbuat demikian tetapi suspek dikatakan tetap cuba menyogok menyebabkan suspek ditahan mengikut Akta SPRM 2009.

Dalam penahanan itu, polis turut menyita kereta, telefon bimbit dan merampas wang tunai RM50,000.

Kesemua tangkapan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (Atipsom) 2007 serta Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.



HARIAN METRO

04.01.2025 (SABTU)

Kota Bharu: Seorang ejen sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (Pati) direman tiga hari semalam bagi membantu siasatan cubaan menyogok pegawai polis dengan wang tunai RM50,000.

Perintah reman sehingga Ahad ke atas lelaki 25 tahun itu dikeluarkan Majistret Mohd Fauzan Mohd Suhairi selepas menerima permohonan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Suspek dikatakan cuba menyogok pegawai polis bagi melepaskan dirinya dan tiga tekong terbabit penyeludupan Pati.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang jika sabit kesalahan, boleh dipenjarakan hingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Terdahulu, lelaki itu yang

Cuba sogok RM50k elak ditahan seludup Pati

memakai baju lokap SPRM tiba di Mahkamah Kota Bharu dengan diiringi oleh pegawai SPRM.

Media sebelum ini melaporkan tindakan ejen sindiket cuba menyogok pegawai polis dengan wang tunai RM50,000 bagi melepaskan dirinya dan tiga tekong terbabit penye-

ludupan Pati di Jalan Sri

Cemerlang dan Jalan Besar Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan pada 9 Disember lalu, mengundang padah apabila ditahan polis. 7 Disember lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, mereka ditahan dalam Ops Taring Wawasan Kelantan, dijalankan sepasukan Briged Tenggara dan Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Suspek direman tiga hari bagi membantu siasatan



SUSPEK dibawa ke Mahkamah Majistret Kota Bharu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR



METRO AHAD

05.01.2025 (AHAD)

'HULUR' SUPAYA LULUS PEMERIKSAAN

Suspek dipercayai terima rasuah ratusan ringgit
bagi 'pelepasan' kenderaan berat di Puspakom

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Bayar rasuah ratusan ringgit bagi setiap kenderaan perdagangan yang menjalani pemeriksaan wajib di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom).

Itu antara kegiatan seorang individu disyaki terabit rasuah dalam proses pemeriksaan kenderaan berat sebelum ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin.

SPRM memaklumkan, suspek ditahan selepas diserahkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Katanya, penahanan individu itu adalah hasil kolaborasi strategik SPRM dan JPJ dalam siasatan berhubung isu berkenaan.

"Individu terabit ditahan selepas dirakam keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati suspek membuat bayaran rasuah berjumlah ratusan ringgit bagi setiap kenderaan yang diperiksa, sebagai balasan untuk meluluskan pemeriksaan kenderaan berat di Puspakom," katanya.

Menurut kenyataan itu, kes sedang disiasat mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009 dan suspek dibawa ke Mahkamah Putrajaya pagi semalam untuk permohonan reman.

"Penangkapan ini mencerminkan komitmen teguh SPRM dan JPJ dalam memastikan integriti proses pemeriksaan kenderaan



SUSPEK ditirigi pegawai SPRM ke Mahkamah Putrajaya untuk direman, semalam kerana disyaki terabit dalam kes rasuah berkaitan pemeriksaan kenderaan berat di Puspakom. - Gambar NSTP/AHMAD UKASYAH

an terus terpelihara dan bebas daripada sebarang amalan rasuah," katanya.

Dalam pada itu, SPRM menegaskan komitmennya untuk terus memerangi rasuah, khususnya membabitkan sektor penguatkuasaan demi memastikan perkhidmatan awam di negara ini kekal telus, berintegriti dan dipercayai rakyat.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke sebelum ini dilaporkan berkata, JPJ sudah mengadakan perbincangan dengan SPRM un-

tuk mengenal pasti tahap integriti membabitkan kakitangan Puspakom.

Beliau berkata, beberapa kakitangan Puspakom sudah dipanggil untuk memberi keterangan kepada JPJ berhubung siasatan berkaitan kenderaan yang tidak mematuhi standard tetapi diluluskan Puspakom.

Kelmarin, Ketua Pegawai Eksekutif Puspakom Mahmood Razak Bahman, dalam satu sidang media di Shah Alam, Selangor mengesahkan empat kaki-

tangan Puspakom cawangan Wangsa Maju dipanggil memberi keterangan kepada JPJ.

Beliau berkata, dua daripadanya memberi keterangan pada 31 Disember lalu sebelum JPJ memutuskan memanggil dua lagi kakitangan.

Beliau turut mengesahkan JPJ menyerbu 87 cawangan Puspakom di seluruh negara menerusi Op Mengejut bermula 30 Disember lalu hingga kelmarin.

Sebanyak 43 cawangan diserbu pada 30 Disember 2024, 42 cawangan pada 31 Disember 2024 manakala dua lagi cawangan diperiksa pada kelmarin.

"Suspek ditahan selepas diserahkan pihak JPJ SPRM"



BERITA HARIAN

05.01.2025 (AHAD)

SPRM perkukuh kepakaran siasat rasuah babit mata wang kripto

Pegawai sudah dihantar jalani latihan, jalin kerjasama erat melalui KKFD dan INTERPOL

Putrajaya: Ketika mata wang kripto semakin mendapat perhatian sebagai alternatif kepada mata wang konvensional, ia juga menjadi medium baharu bagi perasuah menjalankan kegiatan jenayah mereka.

Jenayah rasuah kini berevolusi daripada kaedah tradisional yang menyaksikan wang ringgit bertukar tangan dengan ketara kepada modus operandi yang lebih mencabar, termasuk penggunaan teknologi digital dan mata wang kripto

to seperti Bitcoin dan Ethereum untuk menutup jejak kewangan.

Sehubungan itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang memperkukuh keupayaan pegawai dan anggotanya khusus bagi menangani kes rasuah yang semakin kompleks, seiring dengan perkembangan teknologi.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata suruhanjaya itu akan membangunkan kepakaran dalaman sebagai langkah memperkasa aspek penyiasatan membabitkan mata wang kripto.

Beliau berkata, beberapa pegawai SPRM sudah dihantar menghadiri latihan khusus dalam penyiasatan mata wang kripto, selain menjalin kerjasama erat melalui Kumpulan Kerja Forensik Digital (KKFD) dan Polis Antarabangsa (INTERPOL).

"Namun sebagai langkah ke hadapan, SPRM akan membangunkan kepakaran dalaman dan sedang mengenal pasti latihan bertauliah untuk disertai

SPRM sedang menaik taraf makmal forensik digital di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), termasuk penambahbaikan empat makmal utama

Azam Baki,
Ketua Pesuruhjaya SPRM



Aspek lain dalam pembangunan kapasiti dan keupayaan ini adalah mengenai perolehan teknologi dan peralatan yang sesuai.

"Dengan latihan, peralatan yang sesuai dan kerjasama erat dengan pihak luar, cabaran siasatan berkaitan mata wang kripto dapat ditangani dengan lebih berkesan," katanya.

Sementara itu, Azam berkata, SPRM sedang menaik taraf makmal forensik digital di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), termasuk penambah

baikan empat makmal utama.

ia adalah Makmal Forensik Telefon Bimbit, Makmal Forensik Komputer, Makmal Forensik Audio dan Video serta Makmal Forensik Dokumen.

SPRM pengerusi KKFD

Beliau berkata, SPRM yang kini menerajui KKFD sebagai pengerusi sehingga 2026, sedang berusaha menubuhkan satu pertubuhan berdaftar di bawah Pendaftaran Pertubuhan (ROS) yang bakal menjadi platform utama

untuk menghimpunkan pakar forensik digital di Malaysia.

"Kepakaran dalam KKFD akan digembleng, antaranya untuk menyediakan prosedur berkaitan pengesanan dan pengendalian mata wang kripto dalam siasatan.

"Semua usaha ini bertujuan memperkukuh kemampuan SPRM dalam menghadapi cabaran penyiasatan yang semakin kompleks seiring dengan perkembangan teknologi," katanya.

Ditanya mengenai penambahan anggota pasukan pemeriksa poligraf tahun ini, Azam berkata, fokus SPRM pada 2025 adalah memanfaatkan sepenuhnya kemahiran pasukan sedia ada.

"Pasukan ini terlatih dalam aspek menemui bual saksi dan suspek untuk membangunkan serta mengesahkan maklumat. Justeru, adalah wajar peranan mereka dimanfaatkan dengan lebih optimum," katanya sambil menambah SPRM kini mempunyai 16 pemeriksa Poligraf yang mahir dan berkelayakan. BERNAMA



BERITA HARIAN

05.01.2025 (AHAD)



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

Suspek kes rasuah periksa kenderaan berat direman

Putrajaya: Lelaki yang disyaki terbabit kes rasuah berkaitan pemeriksaan kenderaan berat di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM), direman tujuh hari bermula semalam.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Joanne Tan Xin Ying selepas SPRM membuat permohonan. Suspek ditahan petang kelmarin hasil kerjasama strategik suruhanjaya itu dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Dalam satu kenyataan, SPRM memaklumkan, lelaki berkenaan

ditahan reman bagi membolehkan siasatan lanjut kes terbabit dijalankan mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009.

"Lelaki itu diserahkan JPJ kepada SPRM petang semalam (kelmarin) dan ditahan selepas dirakam keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya," menurut kenyataan berkenaan.

Hasil siasatan awal, suspek dipercayai membuat bayaran ratusan ringgit bagi setiap kenderaan yang diperiksa di PUSPAKOM sebagai balasan bagi meluluskan pemeriksaan berkenaan.



SINAR HARIAN

06.01.2025 (ISNIN)

SPRM tahan seorang lelaki kes rasuah di Puspakom

Bayar ratusan ringgit
untuk setiap kenderaan
berat diperiksa

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB**
PUTRAJAYA

Seorang lelaki disyaki terlibat dalam kes rasuah berkaitan pemeriksaan kenderaan berat di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) ditahan reman pada Sabtu.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam satu kenyataan berkata, lelaki berusia lingkungan 40 tahun itu ditahan hasil kolaborasi strategik antara suruhanjaya tersebut dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Suspek yang bertugas dengan

Puspakom di ibu negara ditangkap pada petang Jumaat.

"Individu tersebut telah diserahkan oleh JPJ kepada SPRM pada petang Jumaat dan ditahan selepas dirakam keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya," kata kenyataan itu pada Sabtu.

Lelaki itu direman hingga Jumaat ini selepas Majistret Joanne Tan membenarkan permohonan reman yang dikemukakan SPRM di Mahkamah Majistret di sini.

Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009.

Menurut kenyataan itu, siasatan awal mendapati suspek membuat bayaran rasuah berjumlah ratusan ringgit bagi setiap kenderaan yang diperiksa.

Jelasnya, ia sebagai balasan untuk meluluskan pemeriksaan kenderaan berat di Puspakom.

"Penangkapan ini mencerminkan komitmen teguh SPRM dan JPJ dalam memastikan integriti proses pemeriksaan kenderaan terus terpelihara serta bebas



SPRM membawa suspek ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Sabtu untuk mendapatkan perintah reman.

daripada sebarang amalan rasuah.

"SPRM komited untuk terus memerangi rasuah khususnya yang melibatkan sektor penguatkuasaan demi memastikan perkhidmatan awam di negara ini kekal telus dan berintegriti," katanya.



SINAR HARIAN

07.01.2025 (SELASA)

SPRM tambah baik piagam pelanggan selari dengan perubahan semasa

PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertindak dalam tempoh 24 jam selepas aduan berunsur rasuah diterima dan pengadu boleh mengetahui status siasatan ke atas aduannya selepas 28 hari bekerja.

Itu merupakan antara tujuh perkara yang telah diberi penambahbaikan dalam Piagam Pelanggan SPRM baharu yang dilancarkan Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki pada majlis penyampaian amanat Ketua Pesuruhjaya SPRM di sini, pada Isnin.

Azam berkata, piagam berkenaan diberi penambahbaikan selari dengan perubahan semasa dan objektifnya ialah menjadikan SPRM sebagai sebuah agensi pencegahan rasuah yang unggul di dunia serta memastikan perkhidmatan suruhanjaya itu sentiasa memenuhi harapan tinggi rakyat.

"Kali terakhir Piagam Pelanggan SPRM ditambah baik ialah pada tahun 2015 dan diguna pakai hingga 2024.

Bertindak 24 jam selepas terima aduan rasuah

"Penambahbaikan ini merupakan komitmen serta jaminan SPRM kepada pelanggan dan pihak berkepentingan bahawa penyampaian perkhidmatan akan mematuhi piawaian kualiti yang telah ditetapkan," katanya.

Perkara lain yang ditambah baik dalam piagam tersebut ialah maklumat dan identiti pemberi maklumat dirahsiakan mengikut undang-undang yang berkuat kuasa serta keputusan tapisan keutuhan melalui sistem tapisan keutuhan (e-STK) akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari.

Piagam baharu itu turut memaklumkan keperluan SPRM memberi maklum balas ke atas permohonan program pendidikan antirasuah yang diterima dalam tempoh lima hari bekerja serta memberi maklum balas ke atas permohonan program domestik dan antarabangsa dalam tempoh tujuh hari bekerja.

"Penambahbaikan lain ialah keperluan memuat naik maklumat berkaitan pesalah



Azam menandatangani Piagam Pelanggan SPRM ketika majlis Penyampaian Amanat Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Perhimpunan Bulanan di Putrajaya pada Isnin.

rasuah dalam Pangkalan Data Pesalah Rasuah dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tarikh sabitan oleh mahkamah," katanya.

Selaras dengan Pelan Strategik SPRM 2021-2025, Azam berkata, tiga hala tuju dan strategi utama SPRM difokuskan bagi

Pencapaian Negara Bebas Rasuah.

"Tiga hala tuju tersebut ialah pemerkasaan penguatkuasaan berkesan (sektor operasi); pencegahan rasuah yang menyeluruh (sektor pencegahan); dan pembudayaan integriti (sektor pengurusan)," katanya. - Bernama

RASUAH BUSTERS



SINAR HARIAN

07.01.2025 (SELASA)

Penguat kuasa makan rasuah ancam nyawa rakyat

SHAH ALAM - Semua pegawai penguat kuasa digesa tidak memperjudikan kepentingan dan keselamatan pengguna jalan raya demi wang ringgit.

Pengerusi Gabungan Rasuah Busters Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr

Hamdan Daniel M Sharib berkata, perkara tersebut tidak boleh dipandang ringan kerana ia melibatkan nyawa orang ramai.

Menurutnya, akibat salah laku pegawai terbabit, ia bakal mengundang nahas lebih berbahaya seterusnya menggugat kesejahteraan rakyat.

Justeru katanya, setiap pegawai penguat kuasa perlu meningkatkan nilai integriti dalam menjalankan tugas bagi melindungi kepentingan awam.

"Jangan memperjudikan kepentingan dan keselamatan pengguna jalan raya jika salah laku pegawai yang meluluskan pemeriksaan dengan mengambil rasuah tanpa menjalankan pemeriksaan yang sepatutnya.

"Kita tidak boleh memandang ringan perkara sebegini kerana natijahnya melibatkan kepentingan awam dan nyawa," katanya

kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, media melaporkan seorang lelaki disyaki terlibat dalam kes rasuah berkaitan pemeriksaan kenderaan berat di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) ditahan reman pada Sabtu.



HAMDAN DANIEL

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam satu kenyataan berkata, lelaki berusia lingkungan 40 tahun itu ditahan hasil kolaborasi strategik antara suruhanjaya tersebut dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Sementara itu, Hamdan Daniel berkata, kejadian yang berlaku itu bakal melun-

turkan kepercayaan rakyat terhadap sistem pemeriksaan Puspakom yang seharusnya menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

"Perkara ini perlu diberi perhatian serius dan tindakan lebih proaktif atau drastik oleh pihak kerajaan perlu diambil.

"Antara lainnya adalah menambah baik peptadbiran sedia ada dengan memastikan pegawai yang menjalankan tugas tidak terdedah pada rasuah," ujarnya.



SINAR HARIAN

07.01.2025 (SELASA)

Penjawat awam disyaki terima sogokan RM50,000 direman lima hari



Suspek (tengah) dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Terengganu pada Isnin bagi proses permohonan reman.

KUALA TERENGGANU - Seorang penjawat awam direman selama lima hari selepas disyaki menerima sogokan RM50,000 sebagai balasan bagi membantu mendapatkan projek di sebuah universiti awam di Terengganu.

Suspek lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan reman bermula Isnin hingga 10 Januari depan.

Perintah reman dibenarkan Penolong Kanan Pendaftar, Yuhani Mohd Roslan selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Kuala

Terengganu di sini pada Isnin. Menurut sumber, suspek telah ditahan kira-kira jam 1 tengah hari pada Ahad ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Terengganu.

"Suspek disyaki menerima rasuah kira-kira RM50,000 sebagai balasan menyokong dan memperakukan dokumen tuntutan bayaran bagi lima projek di sebuah universiti awam di negeri ini yang mana nilai keseluruhannya berjumlah kira-kira RM500,000.

"Siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut sekitar 2023 dan 2024 dengan menerima wang rasuah melalui

transaksi pindahan ke akaun bank milik isterinya.

"Suspek telah ditangkap bersama isterinya semalam tetapi wanita tersebut telah dilepaskan dengan jaminan SPRM," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

"Kita tidak menolak kemungkinan beberapa tangkapan susulan akan dilakukan bagi membantu siasatan," ujarnya.



SINAR HARIAN

08.01.2025 (RABU)

6 pegawai pemeriksaan kenderaan ditahan

Dua lagi individu turut ditahan disyaki terlibat dalam sindiket meluluskan pemeriksaan kenderaan berat

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lapan individu termasuk enam pegawai pemeriksaan kenderaan disyaki terlibat dalam sindiket meluluskan pemeriksaan kenderaan berat di sebuah pusat pemeriksaan kenderaan di sekitar ibu negara.

Menurut sumber, kesemua suspek lelaki berusia antara 30 dan 50-an itu ditahan antara jam 12 tengah hari hingga 11 malam pada Isnin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Penahanan kesemua suspek adalah hasil soal siasat yang dijalankan oleh SPRM ke atas seorang ejen yang diserahkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum ini.

"Bagaimanapun keenam-



Pegawai SPRM mengiringi beberapa suspek yang terlibat dalam sindiket meluluskan pemeriksaan kenderaan berat di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa bagi mendapatkan permohonan reman.

enam pegawai pemeriksaan kenderaan terbabit telah dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangan diambil," katanya pada Selasa.

Dalam pada itu, dua lagi individu telah direman selama lima hari bermula Selasa sehingga Sabtu.

Perintah reman tersebut dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha, selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya mengesahkan penahanan tersebut dan menyatakan kes disiasat di bawah Seksyen 16 (b) (A) Akta SPRM 2009.

Bellau berkata, setakat ini SPRM telah menahan sembilan individu dan tidak menolak kemungkinan beberapa tangkapan susulan akan dibuat bagi membantu siasatan.



BERITA HARIAN

08.01.2025 (RABU)

2 'runner' kutip wang lulus kenderaan berat direman

SPRM sahan penahanan lapan suspek termasuk enam pegawai PUSPAKOM disyaki terbabit sindiket

Oleh Sariha Mohd Ali
sariha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, mengesahkan pihaknya menahan lapan individu termasuk enam pegawai pemeriksaan kenderaan daripada Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) yang disyaki terbabit sindiket meluluskan pemeriksaan kenderaan yang dibongkar baru-baru ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, enam pegawai pemeriksaan kenderaan PUSPAKOM itu sudah

dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangan mereka diambil, manakala dua lagi iaitu *runner* yang dilantik kumpulan enam pegawai berkenaan direman lima hari bermula hari ini hingga 11 Januari depan.

Katanya, *runner* berkenaan disyaki bertindak sebagai pengutip wang rasuah yang diberi syarikat bagi kelulusan kenderaan berat yang tidak memenuhi piawaian ditetapkan untuk diberi kepada pegawai PUSPAKOM itu.

"Semua suspek lelaki berusia 30 hingga 50-an itu ditahan ketika memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada jam 12 tengah hari hingga 11 malam.

"Penahanan semua suspek dibuat hasil soal siasat dijalankan SPRM ke atas seorang ejen yang diserahkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum ini dan kini suspek masih dalam tahanan reman," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Perintah reman terhadap dua *runner* itu dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha selepas permohonan SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi semalam.

Guna 'ejen kosmetik' untuk lulus PUSPAKOM



Media pada Sabtu lalu melaporkan, Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman berharap tahanan reman ke atas seorang lelaki disyaki terbabit kes rasuah berkaitan pemeriksaan kenderaan berat itu dapat membongkar sindiket kawalan pemeriksaan.

Beliau memberi jaminan akan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan bagi memastikan pihak tidak bertanggungjawab dikenakan tindakan sewajarnya.

Terima bayaran rasuah

Siasatan awal mendapati suspek membuat bayaran rasuah berjumlah ratusan ringgit bagi setiap kenderaan yang diperiksa di PUSPAKOM sebagai balasan un-

tuk meluluskan pemeriksaan kenderaan berat yang tidak menepati standard ditetapkan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, pula berkata Kementerian Pengangkutan (MoT) akan menambah baik prosedur pemeriksaan berkala kenderaan berat dengan memfokuskan keselamatan komponen kenderaan kritikal.

Azam berkata, siasatan pihaknya kini memfokus kepada pembabit semua pegawai PUSPAKOM yang ditahan itu selepas maklumat mendedahkan *runner* berkenaan mengutip antara RM100 hingga RM250 bagi setiap kenderaan yang diluluskan walaupun gagal memenuhi standard ditetapkan.

Beliau berkata, pihaknya percaya kegiatan sama turut berlaku di pusat pemeriksaan kenderaan lain dan tangkapan susulan akan dilakukan jika perlu bagi membantu siasatan kes itu.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 16 (b) (A) Akta SPRM 2009 iaitu meminta dan menerima rasuah serta menawan dan memberi suapan," katanya.



HARIAN METRO

08.01.2025 (RABU)



SPRM menahan lapan individu di sebuah pusat pemeriksaan kenderaan di sekitar ibu negara, semalam.

8 termasuk enam pegawai pemeriksa kenderaan ditahan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lapan individu termasuk enam pegawai pemeriksaan kenderaan disyaki terbabit sindiket meluluskan pemeriksaan kenderaan berat di sebuah pusat pemeriksaan kenderaan di sekitar ibu negara, kelmarin.

Sumber berkata, semua suspek lelaki berusia antara 30 hingga 50-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada 12 tengah hari hingga 11 malam.

"Penahanan semua suspek itu adalah hasil soal siasat dijalankan oleh SPRM ke atas seorang ejen yang diserahkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum ini.

"Bagaimanapun keenam-enam pegawai pemeriksaan kenderaan terbabit sudah dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangan diambil," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, dua lagi individu ditahan reman selama lima hari bermula semalam sehingga 11 Januari depan.

Perintah reman dikeluarkan

kan Majistret Irza Zulaikha selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (b) (A) Akta SPRM 2009.

Menurutnya, setakat ini SPRM menahan sembilan individu dan tidak menolak kemungkinan beberapa tangkapan susulan akan dibuat bagi membantu siasatan.



SINAR HARIAN

08.01.2025 (RABU)

Pegawai agensi agama direman kes suapan RM13,125

MELAKA - Seorang pegawai di sebuah agensi agama negeri ini direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan kes rasuah berjumlah RM13,125 daripada seorang kontraktor kira-kira dua tahun lalu.

Perintah reman bermula Selasa hingga Isnin depan dikeluarkan oleh Majistret Khairunnisak Hassni terhadap suspek berusia 43 tahun bagi membolehkan siasatan dilakukan mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Suspek lelaki terbabit tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah dengan menaiki kenderaan SPRM pada jam 9 pagi.

Difahamkan suspek yang berjawatan sebagai pegawai hal ehwal Islam dan telah berkahwin ditahan ketika hadir di pejabat SPRM Melaka pada jam 2.50 petang Isnin.

Penahanan itu bagi membantu siasatan berkaitan penerimaan wang rasuah berjumlah RM13,125 daripada seorang kontraktor sebagai dorongan bagi mendapatkan kerja-kerja perkhidmatan di jabatan tersebut.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan reman tersebut.



SINAR HARIAN

09.01.2025 (KHAMIS)

Enam pegawai pemeriksaan Puspakom digantung tugas serta-merta

SHAH ALAM - Enam pegawai pemeriksa kenderaan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) yang disyaki terlibat dalam sindiket meluluskan pemeriksaan kenderaan berat, digantung tugas serta-merta.

Ketua Pegawai Eksekutif Puspakom, Mahmood Razak Bahman berkata, pihaknya memandang serius kes berkenaan dan tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang salah laku khususnya membabitkan integriti operasi pemeriksaan kenderaan.

"Seperti yang sudah berkali-kali saya tegaskan, Puspakom tidak akan berkompromi terhadap sebarang jenayah rasuah. Sekiranya terdapat bukti kesalahan, kami tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana kakitangan yang terlibat dalam kegiatan seperti ini.

"Hal ini termasuklah mereka yang bersekongkol dengan sindiket dan menjalankan aktiviti meluluskan pemeriksaan kenderaan secara tidak sah," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, Puspakom juga sedang melancarkan siasatan dalaman sekali gus memberi jaminan sesiapa yang mempunyai kaitan dengan jenayah berkenaan akan diserahkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan sewajarnya.

"Puspakom tidak akan melindungi sesiapa pun yang terbabit dengan jenayah rasuah," tegas beliau.

Terdahulu, media melaporkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki mengesahkan pihaknya menahan

lapan individu termasuk enam pegawai pemeriksa kenderaan daripada Puspakom yang disyaki terbabit sindiket meluluskan pemeriksaan kenderaan yang dibongkar, baru-baru ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, enam pegawai pemeriksaan kenderaan Puspakom itu sudah dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangan mereka diambil manakala dua orang lagi iaitu *runner* yang dilantik kumpulan enam pegawai berkenaan direman lima hari bermula hari ini hingga Sabtu. - *Bernama*



SINAR HARIAN

09.01.2025 (KHAMIS)

2 kakitangan badan berkanun di Perlis ditahan SPRM

PUTRAJAYA - Dua kakitangan sebuah badan berkanun di Perlis ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercayai salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi.

Menurut sumber, SPRM Perlis menahan dua kakitangan badan berkanun di negeri itu termasuk seorang pengurus akaun disyaki menyalahgunakan kuasa dan penyelewengan wang untuk kegunaan peribadi bernilai kira-kira RM600,000.

Sumber berkata, perintah reman selama empat hari sehingga Sabtu telah dikeluarkan Majistret Nurshahida Abdul Rahim, selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Kangar pada Rabu.

Kata sumber, kedua-dua suspek wanita berusia antara 30 dan 40-an itu telah ditahan kira-kira jam 1 petang pada Selasa ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Perlis.

"Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut antara tahun 2020 hingga 2024.

"SPRM Perlis juga telah menyita dan merampas barangan mewah termasuk barangan kemas berjumlah kira-kira RM100,000 dipercayai diperolehi hasil daripada perlakuan jenayah tersebut," katanya pada Rabu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Gani ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan menyatakan kes disiasat di bawah



Salah seorang suspek (kiri) yang ditahan SPRM kerana dipercayai menyalahgunakan kuasa dan penyelewengan wang untuk kegunaan peribadi bernilai kira-kira RM600,000.

Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Tambahnya, SPRM juga akan melihat aspek tatakelola jika wujud kelemahan sistem dan prosedur berkaitan pengurusan badan berkanun itu.

Jelasnya, ia melibatkan urusan penerimaan dan perbelanjaan badan berkanun tersebut, seterusnya SPRM berusaha menutup ruang serta peluang berlakunya salah guna kuasa.



BERITA HARIAN

11.01.2025 (SABTU)

Proses mohon STK, SKLU perlu sediakan 8 dokumen

SPRM kesan kepincangan babit ejen, syarikat ubah suai butiran untuk dapatkan LKP

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pemilik kenderaan perdagangan perlu menyediakan sekurang-kurangnya lapan dokumen untuk permohonan Surat Tawaran Kelulusan (STK) dan Surat Kelulusan Lanjut Usia (SKLU) daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

Dokumen berkenaan ialah lesen pembawa A atau C, borang yang perlu diisi yang perlu diperolehi secara percuma, baya-

ran proses yang berharga RM10 serta Surat Kelulusan berharga RM20.

Selain itu, dokumen berkaitan Latihan ICOP (audit Tataaaman Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan 2010) Keselamatan, dokumen temuduga (oleh APAD) dan kebenaran tempat letak kenderaan daripada Majlis Kerajaan Tempatan.

Dokumen lain ialah kontrak kerja yang membabitkan surat pendaftaran syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Penyata Kewangan Syarikat yang mempunyai 30 peratus daripada harga kenderaan (lori) yang ingin dibeli.

Bagaimanapun, sumber berkata, Ops Loader yang dijalankan SPRM baru-baru ini mengesan kepincangan membabitkan ejen dan syarikat yang memohon STK dan SKLU untuk mendapatkan Lesen Kenderaan Perdagangan atau Lesen Kenderaan Pengang-

kutan (LKP) yang diperlukan untuk khidmat pengangkutan perdagangan.

Syarat perlu dipatuhi

LKP ialah dokumen rasmi menetapkan syarat tertentu perlu dipatuhi seperti pemeriksaan berkala kenderaan, insurans mencukupi dan pendaftaran yang sah. Dokumen itu membenarkan pemilik menggunakan kenderaan bagi tujuan komersial atau perdagangan seperti lori, bas, teksi dan van penghantaran.

"SPRM mengesan semua dokumen berkaitan disediakan sendiri oleh ejen atau syarikat dengan mengubah suai butiran dokumen berkenaan.

"Mereka dikesan menjadikan mengikut syarat dan seperti tulen untuk disertakan dengan permohonan STK, SKLU kepada APAD dengan bayaran tinggi dikenakan kepada syarikat pemohon," kata sumber kepada BH, semalam.

Difahamkan, proses permoho-

nan LKP di Malaysia, khususnya kenderaan perdagangan membabitkan beberapa langkah perlu diikuti pemohon melalui prosedur di APAD dengan mendapatkan STK dan SKLU.

STK melayakkan kenderaan perdagangan memasuki pemeriksaan PUSPAKOM dan JPJ. LKP perlu bagi kenderaan perdagangan baharu dan lama serta permohonan pinjaman bank bagi syarikat sendirian berhad dan *enterprise*, iaitu perniagaan dimiliki individu atau perkongsian kecil.

Kelulusan permohonan ialah pada peringkat Jawatankuasa Perlesenan.

SKLU pula perlu untuk melayakkan kenderaan perdagangan yang sudah lanjut usia memasuki pemeriksaan PUSPAKOM dan JPJ bagi melayakkannya mendapat LKP, namun kelulusan menteri diperlukan bagi syarikat sendirian berhad dengan usia kurang 15 tahun dan syarikat *enterprise* bagi usia kurang 25 tahun.



HARIAN METRO

10.01.2025 (JUMAAT)

RASUAH PEMERIKSAAN KENDERAAN PERDAGANGAN

8 termasuk pengarah direman

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lapan individu termasuk pengarah sebuah agensi kerajaan dan tiga pengarah syarikat yang ditahan kerana disyaki terabit rasuah pemeriksaan kenderaan perdagangan direman semalam.

Permohonan reman akan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Putrajaya di sini, pagi semalam.

Kelmarin, semua suspek berusia lingkungan 30

hingga 50-an itu ditahan menerusi 'Op Loader' di beberapa lokasi berbeza sekitar Melaka dan Lembah Klang antara jam 9 pagi hingga 12 tengah hari.

Antara yang ditahan termasuk pengarah sebuah agensi di bawah sebuah Kementerian dan tiga pengarah syarikat.

Menurut sumber, semua suspek yang ditahan itu disyaki terabit dalam kegiatan mendapatkan surat tawaran kelulusan Lesen Kenderaan Perdagangan (LKP) daripada sebuah agensi tanpa memenuhi syarat yang ditetapkan Kementerian Pengangkutan.

Katanya, syarikat itu dipercayai bersekongkol de-



LAPAN individu direman di Mahkamah Putrajaya, semalam.

ngan pegawai daripada agensi berkenaan dengan menyediakan maklumat palsu bagi mendapatkan surat tawaran kelulusan permohonan baharu LKP Kelas Lesen Pembawa de-

ngan bayaran RM3,500 setiap permohonan.

Sumber berkata, berdasarkan risikan SPRM, bayaran rasuah yang dikenakan sebanyak RM3,000 sehingga RM20,000 bergan-

tung kepada jenis dan usia kenderaan serta keupayaan syarikat yang ingin memperoleh Lesen Kenderaan Perdagangan ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Opera-

si) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya dilaporkan mengesahkan penahanan semua suspek.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009.

"Bayaran rasuah yang dikenakan sebanyak RM3,000 sehingga RM20,000 bergantung kepada jenis dan usia kenderaan serta keupayaan syarikat yang ingin memperoleh Lesen Kenderaan Perdagangan"

Sumber



HARIAN METRO

10.01.2025 (JUMAAT)

DIDAKWA BERI SUAPAN RM3,900

Peniaga kelapa warga Bangladesh nafi sogok polis

Shah Alam: Seorang peniaga kelapa warga Bangladesh didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan memberi suapan wang tunai berjumlah RM3,900 kepada seorang pegawai polis pada 1 Januari lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Salah Uddin, 34, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Mengikut pertuduhan, Salah Uddin didakwa secara rasuah memberikan suapan iaitu wang tunai RM3,900 kepada seorang inspektor di Balai Polis Kuala Selangor sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas adiknya yang dipercayai melakukan kesalahan mencuri.

Justeru, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan, boleh dipenjara maksimum 20 ta-



SALAH Uddin didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam. -Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

hun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mana-mana yang lebih tinggi.

Salah Uddin didakwa melakukan kesalahan itu di Balai Polis Kuala Selangor pada 11 malam, 1 Januari lalu.

Pegawai Pendakwa Raya SPRM Mohd Alimi Mustapha dan Mohd Arif Asyraf Khairi tidak menawarkan jaminan susulan kesalahan dilakukan tidak boleh diikat jamin.

Katanya, tertuduh juga warganegara asing dan berisiko melarikan diri.

Peguam N Moganeysha bagaimanapun memohon anak guamnya dibenarkan ikat jamin kerana mempunyai dokumen perjalanan diri yang lengkap dan sah selain bekerja sebagai penjual kelapa di pasar awam.

Mahkamah menolak rayuan dan menetapkan tertuduh ditahan di Penjara Sungai Buloh. Sebutan semula kes ditetapkan pada 12 Februari depan.



BERITA HARIAN

10.01.2025 (JUMAAT)



Sebahagian individu direman di Mahkamah Putrajaya, semalam

(Foto ihsan SPRM)

Pengarah agensi antara 8 ditahan disyaki babit rasuah lulus LKP

Semua individu direman empat hari hingga 12 Januari bagi bantu siasatan

Oleh Itah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan kegiatan ejen atau syarikat memalsukan Surat Tawaran Kelulusan (STK) dan Surat Kelulusan Lanjut Usia (SKLU) untuk mendapatkan Lesen Kenderaan Perdagangan (LKP) dikeluarkan sebuah agensi kerajaan. LKP adalah dokumen rasmi

menetapkan syarat tertentu perlu dipatuhi seperti pemeriksaan berkala kenderaan, insurans mencukupi dan pendaftaran yang sah. Dokumen itu membenarkan pemilik menggunakan kenderaan bagi tujuan komersial atau perdagangan seperti lori, bas, teksi dan van penghantaran.

Menurut sumber, hasil risikan SPRM menerusi *Op Loader* mendapati ada ejen atau syarikat yang menawarkan khidmat sebagai 'orang tengah' atau 'runner' menguruskan STK dan SKLU, memalsukan dokumen untuk mendapatkan LKP.

Difahamkan, antara dokumen diubah suai seperti penyata kewangan syarikat, kontrak kerja dan kawasan tempat letak kenderaan bagi lesen yang dimohon.

Sumber memberitahu, mereka mengabaikan syarat ketat ditetapkan Agensi Pengangkutan Awam

Darat (APAD), khususnya mem-babitkan dokumen yang perlu dipatuhi serta keperluan menjalani siri pemeriksaan yang ditetapkan.

"Dokumen yang dipalsukan itu kemudian diluluskan oleh pegawai tidak bertanggungjawab dengan bayaran mencecah RM20,000," katanya kepada BH.

APAD adalah agensi kawal selia utama di bawah Kementerian Pengangkutan (MoT), bertanggungjawab merancang, menyelaras, memantau dan menyelia perkhidmatan pengangkutan awam darat di Malaysia.

Pengarah syarikat ditahan

Menerusi *Op Loader* diancarkan Bahagian Perisikan SPRM kelmarin, seorang pengarah agensi kerajaan dan tiga pengarah syarikat antara lapan individu ditahan kerana disyaki terbabit rasuah kelulusan LKP tanpa me-

enuhi syarat.

Semua suspek berusia lingkungan 30 hingga 50 tahun ditahan di beberapa lokasi sekitar Melaka dan Lembah Klang dalam operasi kira-kira tiga jam bermula 9 pagi kelmarin.

Sumber berkata, SPRM mendapati 'orang tengah' dan pegawai agensi terbabit dipercayai bersubahat menyediakan maklumat palsu bagi mendapatkan surat tawaran kelulusan permohonan baharu LKP Kelas Lesen Pembawa dengan bayaran RM3,500 setiap permohonan.

Difahamkan, 'orang tengah' akan membantu memalsukan dokumen seperti penyata bank dan mengurus permohonan termasuk STK dan SKLU bagi membolehkan kenderaan perdagangan menjalani pemeriksaan awalan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM).

Risikan SPRM mendapati, berlaku unsur rasuah antara RM3,000 hingga RM20,000 dalam rantaian proses berkenaan, bergantung kepada jenis dan usia kenderaan serta keupayaan syarikat yang memohon LKP.

Mengulas penahanan lapan individu menerusi *Op Loader* kelmarin, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, menjelaskan kes disiasat mengikut Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009, iaitu meminta dan menerima rasuah.

Semalam, SPRM mendapat perintah Mahkamah Majistret Putrajaya untuk menahan reman lapan individu berkenaan selama empat hari sehingga 12 Januari bagi membantu siasatan.

Sementara itu, BH masih berusaha mendapatkan maklumat APAD berhubung isu didedahkan SPRM.



BERITA HARIAN

10.01.2025 (JUMAAT)

13 lagi ditahan kes luluskan pemeriksaan kenderaan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 13 lagi suspek disyaki terbabit sindiket meluluskan pemeriksaan kenderaan berat di pusat pemeriksaan kenderaan.

Tangkapan baharu itu menjadikan seramai 22 suspek, termasuk 19 pegawai pemeriksaan kenderaan, seorang ejen dan dua 'orang tengah' disiasat SPRM susulan kes membabitkan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM).

Sumber memberitahu, semua 13 lelaki berusia antara 20 hingga 40 tahun itu ditahan antara jam 1 petang Selasa hingga 3 petang kelmarin apabila mereka hadir memberi keterangan di ibu pe-

jabat SPRM di Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati kesemua suspek dipercayai telah menerima suapan antara RM150 hingga RM1,500 sebulan dalam bentuk wang tunai daripada ejen sebagai balasan membantu meluluskan pemeriksaan kenderaan ketika mereka bertugas.

"Penahanan semua suspek ini susulan penangkapan enam pegawai pemeriksaan kenderaan pada Isnin lalu dan juga hasil soal siasat yang dijalankan SPRM ke atas seorang ejen yang diserahkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum ini," kata sumber itu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khu-

sairi Yahaya, ketika mengesahkan penahanan terbaharu berkenaan, memaklumkan siasatan masih dijalankan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

"Suspek akan dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas siasatan selesai," katanya.

Isu membabitkan kenderaan berat menarik perhatian susulan tragedi mengorbankan lima sekeluarga, seorang pemandu bas persiaran dan seorang penumpangnya di Kilometer 204 Lebuhraya Utara-Selatan arah utara dekat kawasan rehat dan rawat Ayer Keroh di Melaka, 23 Disember lalu.

Polis dilaporkan berkata, tayar depan kanan sebuah lori dipandu lelaki berusia 31 tahun tercabut

dan berada di lorong tengah, sebelum dilanggar bas persiaran yang kemudian hilang kawalan dan terbabas ke laluan bertentangan serta merempuh tiga kenderaan lain.

Susulan itu, JPJ melancarkan Op Mengejut PUSPAKOM serentak di seluruh negara dan mengesan ada kenderaan berat menggunakan tayar celup uzur dan tidak selamat yang berisiko meletup bila-bila masa, hadir pemeriksaan di pusat berkenaan.

JPJ juga tidak menolak kemungkinan ada segelintir kes sama berjaya lepas sebelum ini dan menjalankan siasatan lanjut terhadap kenderaan disita serta kakitangan PUSPAKOM yang meluluskan lori tidak mematuhi

piawain ditetapkan.

Pada 4 Januari lalu, seorang lelaki yang disyaki terbabit kes rasuah berkaitan pemeriksaan kenderaan berat di PUSPAKOM direman tujuh hari hingga hari ini bagi membantu siasatan SPRM mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009.

Suspek ditahan sehari sebelumnya selepas diserahkan oleh pihak JPJ dan dirakam keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Hasil siasatan awal mendapati suspek disyaki membuat bayaran rasuah berjumlah ratusan ringgit bagi setiap kenderaan yang diperiksa, sebagai balasan untuk kelulusan pemeriksaan kenderaan berat di PUSPAKOM.



BERITA HARIAN

11.01.2025 (SABTU)

PUSPAKOM tekad dedah kes rasuah tingkatkan kredibiliti

Kuala Lumpur: Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) akan terus mendedahkan perlakuan tidak beretika di agensi itu bagi memastikan kredibiliti perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di fasilitinya terjamin.

Ketua Pegawai Eksekutif, Mahmood Razak Bahman, menegaskan langkah itu perlu dalam usaha meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan PUSPAKOM.

Malah, beliau melihat tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahbit dalam kes berkenaan membantu menjadikan operasi PUSPAKOM lebih bersih dan berintegriti.

"Tiada tempat untuk mereka terbabit rasuah bersembunyi dalam organisasi kami. Sebab itu, sejak menerajui PUSPAKOM pada Oktober 2023, saya mempergiatkan usaha membanteras rasuah dalam organisasi ini dan tanpa pembabit SPRM, sudah tentu usaha ini menjadi lebih sukar," katanya.

Dalam satu kenyataan kelmarin, Mahmood Razak turut meminta mana-mana pihak, sama ada dari luar atau dalam PUSPAKOM yang ada maklumat pelanggaran isu integriti berkait syarikatnya, tampil berkongsi maklumat berkenaan kepada pihak berkuasa.

Tingkat ketelusan

Beliau menyifatkan kerjasama dalam kalangan pemberi maklumat penting dalam usaha syarikat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti.

"PUSPAKOM turut memberikan penghargaan kepada Tan Sri Azam Baki (Ketua Pesuruhjaya SPRM) atas kepimpinan dan dedikasi beliau memperkuatkan integriti sistem pemeriksaan kenderaan negara," katanya.

Mahmood Razak menambah, keselamatan jalan raya adalah usaha bersama yang memerlukan komitmen semua pihak dan bukannya tanggungjawab PUSPAKOM semata-mata, sekali gus berharap semua pihak mengutamakan integriti dan keselamatan demi kesejahteraan pengguna jalan raya.

"PUSPAKOM hanya satu daripada pecahan dalam formula keselamatan jalan raya. Pemilik kenderaan termasuk syarikat, penguat kuasa, agensi kerajaan dan rakyat juga perlu menjalankan tanggungjawab masing-masing secara beretika dalam usaha membanteras kemalangan jalan raya," katanya.



BERITA HARIAN

11.01.2025 (SABTU)

APAD serah SPRM siasat isu kelulusan lesen secara tidak sah

Kuala Lumpur: Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) menyerahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat isu kelulusan Lesen Kenderaan Perdagangan (LKP) secara tidak sah.

Kelmarin, SPRM mengesan kegiatan ejen atau syarikat memalsukan Surat Tawaran Kelulusan (STK) dan Surat Kelulusan Lanjut Usia (SKLU) untuk mendapatkan LKP bagi membolehkan pemilik menggunakan kenderaan bagi tujuan komersial atau perdagangan seperti lori, bas, teksi dan van penghantaran.

Ketua Pengarah APAD, Datuk Azlan Shah Al Bakri ketika ditemui media di KL Sentral semalam, berkata maklumat lanjut mengenai siasatan dalam kes berkenaan mesti diperoleh daripada SPRM, bukan pihaknya.

APAD adalah agensi kawal selia utama di bawah Kementerian Pengangkutan (MoT), bertanggungjawab merancang, menyelaras, memantau dan menyelia perkhidmatan pengangkutan awam darat di Malaysia.

"Itu kena rujuk SPRM, saya (pihak APAD) tidak buat tang-

Kita tidak terlibat, tidak ada kena mengena dengan isu ini. Kita biarkan agensi penguat kuasa untuk menjalankan tugas

Azlan Shah Al Bakri,
Ketua Pengarah APAD



kapan SPRM, saya tak boleh berikomen, kena rujuk agensi penguatkuasaan. Kita tidak terlibat, tidak ada kena mengena dengan isu ini. Kita biarkan agensi penguat kuasa untuk menjalankan tugas.

"Apapun, anda kena rujuk kepada agensi penguat kuasa," kata Azlan Shah yang sebelum itu menghadiri sidang media pengumuman perubahan jadual waktu Keretapi Tanah Melayu (KTM) komuter laluan Pelabuhan Klang-KL Sentral-Pelabuhan Klang.

Semalam, *BH* melaporkan, hasil risikan SPRM menerusi Op Loader mendapati ada ejen atau syarikat yang menawarkan khidmat sebagai 'orang tengah' atau 'runner' menguruskan STK dan

SKLU serta memalsukan dokumen untuk mendapatkan LKP.

Difahamkan, antara dokumen diubah suai seperti penyata kewangan syarikat, kontrak kerja dan kawasan tempat letak kenderaan bagi lesen yang dimohon.

Sumber memberitahu, mereka mengabaikan syarat ketat ditetapkan APAD, khususnya membabitkan dokumen yang perlu dipatuhi serta keperluan menjalani siri pemeriksaan yang ditetapkan.

Dokumen yang dipalsukan itu kemudian diluluskan pegawai tidak bertanggungjawab dengan bayaran mencecah RM20,000.

Menerusi Op Loader dilancarkan Bahagian Perisikan SPRM, seorang pengarah di sebuah

agensi kerajaan dan tiga pengarah syarikat antara lapan individu ditahan kerana disyaki terbabit rasuah kelulusan LKP tanpa memenuhi syarat.

Semua suspek berusia lingkungan 30 hingga 50 tahun ditahan di beberapa lokasi sekitar Melaka dan Lembah Klang.

Menurut sumber lagi, SPRM mendapati 'orang tengah' dan pegawai agensi terbabit dipercayai bersubahat menyediakan maklumat palsu bagi mendapatkan surat tawaran kelulusan permohonan baharu LKP Kelas Lesen Pembawa dengan bayaran RM3,500 setiap permohonan.

Difahamkan, 'orang tengah' akan membantu memalsukan dokumen seperti penyata bank dan mengurus permohonan termasuk STK dan SKLU bagi membolehkan kenderaan perdagangan menjalani pemeriksaan awalan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM).

Risikan SPRM mendapati, berlaku unsur rasuah antara RM3,000 hingga RM20,000 dalam rantai proses berkenaan, bergantung kepada jenis dan usia kenderaan serta keupayaan syarikat yang memohon LKP.



BERITA HARIAN

11.01.2025 (SABTU)

4 disyaki palsukan geran hak milik tanah direman

Johor Bahru: Empat lelaki dipercayai terbabit sindiket pemalsuan dokumen geran hak milik tanah yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, direman enam hari, bermula semalam.

Permohonan reman dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Johor Bahru, Mohammad Izham Mohd Aliyas.

Tempoh tahanan reman sehingga Rabu depan itu membolehkan siasatan lanjut dijalankan ke atas semua suspek mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Terdahulu, semua suspek yang berusia antara 49 hingga 53 tahun itu tiba di pekarangan mahkamah kira-kira jam 9 pagi semalam dengan memakai baju lokap SPRM dalam keadaan tangan bergari.

Terdahulu SPRM Johor dalam satu kenyataan media semalam, memaklumkan menahan empat individu yang juga pengarah dan setiausaha syarikat swasta di Pejabat SPRM Johor kira-kira jam 11 malam kelmarin.

Difahamkan, penahanan empat individu itu dibuat atas kesalahan pemalsuan dokumen yang mengandungi butiran palsu di dalam urusan permohonan

Hak Milik Sambungan (Geran Hilang) Seksyen 168 KTN.

Ia bertujuan untuk mendapatkan Geran Hak Milik yang baharu kepada Pejabat Tanah Dan

Galian Johor dan urusan pertukaran nama pemilikan di dalam geran yang membabitkan beberapa dokumen.

Sementara itu, Pengarah

SPRM Johor, Datuk Azmi Alias, ketika dihubungi yang mengesahkan penahanan terbabit, berkata kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



Empat suspek dibawa ke Mahkamah Tinggi Johor Bahru, semalam.

(Foto Izz Lailly Hussein/BH)

Ibadat & Fadilat

Abu Sa'id RA berkata: Dahulu, Rasulullah SAW biasa membaca doa untuk menolak gangguan jin dan manusia, namun setelah surah al-Falaq dan an-Naas turun, maka Baginda membaca kedua-dua surah berkenaan untuk menolak gangguan itu serta meninggalkan doa yang lain." (HR Nasa'i)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:20	1:29	4:50	7:21	8:35
Alor Setar	6:20	1:29	4:50	7:21	8:35
P. Pinang	6:19	1:29	4:51	7:23	8:37
Ipoh	6:15	1:27	4:49	7:22	8:36
Kuala Lumpur	6:11	1:24	4:46	7:21	8:35
Shah Alam	6:11	1:24	4:46	7:21	8:35
Johor Bahru	5:59	1:15	4:39	7:15	8:29
Kuantan	6:04	1:18	4:41	7:16	8:30
Seremban	6:08	1:23	4:46	7:21	8:35
Bandar Melaka	6:07	1:22	4:45	7:20	8:34
Kota Bharu	6:12	1:22	4:43	7:14	8:24
K. Terengganu	6:07	1:18	4:39	7:12	8:26
Kota Kinabalu	5:16	12:26	3:47	6:19	7:33
Kuching	5:35	12:50	4:14	6:50	8:04



SINAR HARIAN

11.01.2025 (SABTU)

Elak rasuah berlaku, nilai semula ciri operasi Puspakom

SHAH ALAM - Kerajaan perlu menilai semula ciri-ciri pengoperasian Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) dan dipantau terus oleh pihak berkuasa agar rasuah yang berlaku dalam organisasi tersebut dapat dibanteras habis-habisan.

Pengerusi Rasuah Busters Perlis, Dr Nor Halmey Hamdah berkata, perkara tersebut penting untuk mengelak berlakunya kemalangan membabitkan

kenderaan yang tidak memenuhi piawai keselamatan.

"Mereka boleh dipantau oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan pihak polis. Saya juga berpendapat, ia tidak boleh diletakkan secara berasingan dengan sistem kerajaan sedia ada.

"Rasuah yang berlaku dalam



NOR HALMEY

Puspakom sebenarnya amat mengejutkan, bukan sahaja memberi kesan kepada pemilik kenderaan malah juga kepada pengguna jalan raya lain.

"Kita hairan berlaku banyak kemalangan akibat daripada tayar celup atau brek tidak berfungsi se-

hingga mengakibatkan nahas jiwa dan akhirnya terjawab bahawa sebenarnya berlaku penyelewengan terhadap pemeriksaan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Sebelum ini, Ketua Pegawai Eksekutif Puspakom, Mahmood Razak Bahman berkata, tidak ada tempat bagi mereka yang terlibat rasuah untuk bersembunyi di dalam organisasi Puspakom.

Tambah beliau, pihaknya akan terus mendedahkan sebarang perlakuan tidak beretika bagi memastikan kredibiliti perkhidmatan pemeriksaan kenderaan Puspakom terjamin dan meningkatkan keyakinan rakyat



Sebarang perlakuan tidak beretika perlu didedahkan bagi memastikan kredibiliti perkhidmatan pemeriksaan Puspakom terjamin, sekali gus meningkatkan keyakinan rakyat.

**RASUAH
BUSTERS**

terhadap perkhidmatan syarikat itu.

Dalam pada itu, Nor Halmey berkata, Puspakom bergerak sebagai organisasi yang memberi jaminan keselamatan kepada pemilik kenderaan dan pengguna jalan raya.

"Tetapi bila berlaku sogokan, mereka menjadi satu entiti yang menggerunkan.

"Jadi, saya harap rasuah dalam organisasi ini perlu segera dibanteras agar tiada lagi kemalangan jiwa melibatkan orang tersayang menjadi korban mereka yang tidak bertanggungjawab," ujarinya.



Laporan *Sinar Harian* pada Rabu dan Jumaat.



HARIAN METRO

13.01.2025 (ISNIN)



SPRM menahan reman dua kakitangan dan seorang bekas kakitangan agensi sebuah kementerian dipercayai terbabit amalan rasuah dalam mendapatkan surat tawaran kelulusan Lesen Kenderaan Perdagangan (LKP) tanpa memenuhi syarat ditetapkan.

Kes LKP: Tiga termasuk dua kakitangan agensi kerajaan direman

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman dua lagi kakitangan dan seorang bekas kakitangan agensi sebuah kementerian dipercayai terbabit amalan rasuah bagi mendapatkan surat tawaran kelulusan Lesen Kenderaan Perdagangan (LKP) tanpa memenuhi syarat ditetapkan.

Perintah reman terhadap ketiga-tiga suspek membabitkan dua wanita dan seorang lelaki berusia lingkungan 30-an selama empat hari sehingga 14 Januari ini dikeluarkan Pen-

daftar Mahkamah Majistret Putrajaya, Syahrul Syazly Md Sain selepas permohonan dibuat SPRM kelmarin.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek ditahan antara jam 3.30 hingga 5 petang Jumaat lalu ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya bagi dirakamkan keterangan untuk membantu siasatan.

"Tangkapan terhadap ketiga-tiga suspek itu adalah susulan operasi dijalankan

Bahagian Perisikan SPRM menerusi Op Loader pada Rabu lalu di mana seramai lapan individu termasuk empat pengarah syarikat dari seorang pengarah agensi sebuah kementerian ditahan.

"Bagi mengeluarkan surat tawaran kelulusan LKP berkenaan, pegawai agensi itu dipercayai bersekongkol dengan syarikat yang bertindak menyedikan

maklumat palsu seperti penyata bank selain mengurus proses permohonan termasuk Surat Tawaran Kelulusan (STK) dan Surat Kelulusan Lanjut Usia (SKLU) bagi membolehkan kenderaan perdagangan yang tidak layak menjalani Pemeriksaan Awalan Puspakom," katanya.

Katanya, berdasarkan risikan, bayaran rasuah yang dikenakan adalah sebanyak RM3,000 hingga RM20,000 bergantung kepada jenis kenderaan dan usia kenderaan yang ingin permohonan LKP terbabit.

Perintah reman terhadap ketiga-tiga suspek membabitkan dua wanita dan seorang lelaki



HARIAN METRO

14.01.2025 (SELASA)

Bekas guru besar nafi 15 pertuduhan subahat, penipuan

Kuala Terengganu: Bekas guru besar sebuah sekolah rendah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Seksyen Kuala Terengganu di sini, semalam atas 15 pertuduhan bersubahat menipu dan mengemukakan dokumen palsu.

Tertuduh Zalina Bidin, 47, membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan hakim Mohd Azhar Othman.

Berdasarkan 12 pertuduhan, tertuduh bersubahat bersama pembantu tadbir kanan dan ejen sebuah syarikat menipu dengan mengemukakan dokumen

palsu hingga menyebabkan sebuah sekolah di Marang menyerahkan 12 keping cek dengan nilai keseluruhan mencecah setengah juta ringgit.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada 2 Oktober 2022 hingga 20 Februari 2023.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 109 Ka-

nun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 420 akta yang sama.

Tertuduh turut berdepan dengan tiga pertuduhan mengikut Seksyen 28(1) (C) Akta Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (694) dan dibaca bersama Seksyen 18 akta sama.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa bersuba-

hat secara berpakat jenayah dengan mengemukakan borang pengesahan bilangan pekerja dan rekod kehadiran pekerja kebersihan yang mengandungi butiran mantan palsu bagi menuntut pembayaran gaji pekerja kebersihan sedangkan pekerja terbabit tidak pernah hadir bekerja.

Wanita berkenaan didakwa melakukan kesalahan itu antara Julai hingga September 2022 di sekolah yang sama.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM25,000 bagi semua per-

tuduhan dan menetapkan 17 Februari depan untuk serahan dokumen.

Mahkamah turut mengenakan syarat tambahan kepada tertuduh iaitu dilarang mengganggu saksi pendakwaan, menyerahkan pasport antarabangsanya kepada mahkamah dan diarah melapor diri ke pejabat SPRM setiap bulan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada SPRM Ahmad Feisal Mohd Azmi dan Maziah Mohaide manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Hazwan Hamidun.



ZALINA (kanan) mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan.



SINAR HARIAN

15.01.2025 (RABU)

SPRM gempur 24 lokasi termasuk rumah, pejabat di sekitar Lembah Klang

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya menumpaskan sindiket kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan bersama pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Sinar Harian difahamkan, pembongkaran kegiatan sindiket itu dilakukan di 24 buah lokasi termasuk rumah dan pejabat di sekitar Lembah Klang pada Isnin.

Menerusi serbuan itu, pasukan operasi SPRM turut melakukan tangkapan terhadap 12 individu disyaki terlibat dengan sindiket tersebut.

Kesemua 12 individu tersebut termasuk dua pengarah syarikat perunding kewangan, seorang pengarah yayasan, seorang peng-

urus dan seorang bekas pengurus jualan institusi perbankan telah ditahan reman pada pagi Selasa.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, kesemua suspek ditahan dalam Op Sky dijalankan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM).

Beliau berkata, penahanan tersebut dilakukan di beberapa buah institusi kewangan tempatan di sekitar Lembah Klang pada Isnin.

Menurut beliau, berdasarkan siasatan awal, dipercayai terdapat pegawai di beberapa institusi perbankan telah menerima rasuah daripada pegawai syarikat perunding kewangan.

Jelasnya, ia sebagai balasan membantu memproses dan meluluskan pinjaman peribadi pe-

Sindiket rasuah, pengubahan wang haram tumpas



Seramai 12 individu ditahan SPRM dan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa kerana dipercayai terlibat dalam sindiket rasuah serta pengubahan wang haram.

langgan yang telah dikenalpasti mempunyai hutang lapuk.

"Susulan itu, pegawai bank akan memperkenalkan pelanggan kepada syarikat perunding kewangan yang akan menawarkan bantuan skim *multiple loan*," katanya pada Selasa.

Tambahnya, dalam operasi itu, SPRM turut membekukan 70 akaun syarikat dan individu membabitkan nilai lebih RM16.2 juta.

Selain itu menurutnya, SPRM turut menyita sembilan unit kenderaan mewah; wang tunai lebih RM300,000; 17 utas jam ta-

ngan mewah dianggarkan berjumlah lebih RM11.1 juta.

"Selain itu, SPRM turut menyita lima unit beg tangan berjenama dianggarkan bernilai lebih RM430,000, lima set barang emas dianggarkan berjumlah lebih RM50,000," ujarnya.



SINAR HARIAN

15.01.2025 (RABU)

Pengurus akaun badan berkanun dilepaskan dengan jaminan SPRM

KANGAR - Seorang pengurus akaun sebuah badan berkanun yang direman bagi membantu siasatan kes menyalahgunakan kuasa dan menyeleweng wang sebanyak kira-kira RM600,000 untuk kegunaan peribadi dilepaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber SPRM, wanita berumur lingkungan 30-an itu dilepaskan berikutan perintah reman berakhir pada Selasa, namun pihak SPRM masih meneruskan siasatan berhubung kes berkenaan.

"Pengurus akaun tersebut dilepaskan dengan jaminan SPRM dan kes ini masih dalam siasatan," menurut

sumber tersebut.

Pada 8 Januari lalu, media melaporkan SPRM menahan dua petugas wanita sebuah badan berkanun di Perlis termasuk seorang pengurus akaun selepas mereka disyaki menyalahgunakan kuasa dan menyeleweng wang kira-kira RM600,000 untuk kegunaan peribadi.

Siasatan awal mendapati kedua-dua petugas itu dipercayai melakukan perbuatan berkenaan antara 2020 hingga 2024 dan SPRM Perlis turut menyita serta merampas barangan mewah termasuk barang kemas berjumlah kira-kira RM100,000 yang disyaki diperoleh hasil perbuatan terbabit. - *Bernama*



BERITA HARIAN

15.01.2025 (RABU)

Sindiket pengubahan wang haram, rasuah tumpas

12 suspek ditahan babit syarikat perunding kewangan dengan pegawai bank

Oleh Uthi Hafiz Aziz
illahhafiz.abdullah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menumpaskan sindiket kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan dengan pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Seramai 12 individu ditahan dalam Ops Sky, hasil serbuan di 24 tempat termasuk rumah dan pejabat di sekitar Lembah Klang kelmarin.

Semalam 12 individu itu termasuk dua pengarah syarikat perunding kewangan, seorang pengarah yayasan, seorang pengurus dan seorang bekas pengurus jualan institusi perbankan direman hingga Sabtu ini atas kesalahan terbabit rasuah dan kegiatan pengubahan wang haram yang membabitkan permohonan pinjaman peribadi daripada beberapa bank.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata semua suspek ditahan oleh Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan beberapa insti-



12 individu direman lima hari kerana dipercayai terbabit rasuah dan kegiatan pengubahan wang haram.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

tusi kewangan tempatan.

Kenal pasti pelanggan

Katanya, berdasarkan siasatan awal yang dijalankan, terdapat pegawai di beberapa institusi perbankan menerima rasuah daripada pegawai syarikat perunding kewangan sebagai balasan membantu meluluskan pinjaman peribadi pelanggan yang dikenal pasti mempunyai hutang lapuk.

"Pegawai bank yang sudah mengenal pasti pelanggan yang terdiri daripada penjawat awam yang mempunyai hutang lapuk. Seterusnya mereka akan diperkenalkan kepada syarikat perunding kewangan yang akan menawarkan bantuan skim 'multiple loan'.

"Syarikat perunding kewangan ini dipercayai akan mem-

bantu menyediakan dokumen yang mengandungi maklumat palsu yang akan dihantar ke beberapa institusi kewangan untuk mendapatkan pinjaman.

"Hasil siasatan menunjukkan syarikat perunding akan mendahulukan wang kepada peminjam untuk melangsakan hutang itu dan selepas pinjaman diluluskan, peminjam akan membayar balik pendahuluan itu, manakala baki pinjaman dilaburkan dalam skim pelaburan," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Dalam Ops Sky Azam berkata, SPRM membekukan 70 akaun syarikat dan individu membabitkan nilai lebih RM16.2 juta.

Katanya, SPRM turut menyita sembilan unit kenderaan pelbagai jenama terdiri daripada Ferrari F8 Spider, Lexus RC300,

Mercedes-Benz GLC43, BMW, Toyota Alphard, Mazda dan Honda.

Sejak Mei lalu, BH menyiarkan beberapa pendedahan mengenai kepitincangan dalam sistem kewangan negara yang mengakibatkan jenayah kewangan berleluasa, antaranya pendedahan mengenai BNM mengesan sekurang-kurangnya dua kesalahan utama yang sering dilakukan oleh institusi kewangan.

Kesalahan itu berkaitan kegagalan institusi kewangan menjalankan penilaian wajar terhadap pelanggan dan kegagalan menjalankan saringan sekatan pada saat penerimaan pelanggan.

Azam Baki sebelum ini turut mendedahkan, modus operandi jenayah itu menjadi semakin hebat, selari dengan perkembangan semasa dunia.



BERITA HARIAN

16.01.2025 (KHAMIS)

Imam dituduh terima suapan RM26,300 urus daftar kahwin

Kangar: Seorang imam masjid di daerah ini didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tujuh tuduhan menerima suapan RM26,300.

Suapan itu sebagai sebagai upah menguruskan pendaftaran pasangan yang bernikah di Thailand dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs), sejak 2022.

Mohd Isa Abdul Karim, 53, yang dihadapkan di hadapan Hakim Datuk Nu'aman Mahmud Zuhudi, didakwa sebagai ejen menerima suapan RM26,300 menerusi akaun milik ABM Success Empire.

Ia sebagai upah memproses Pendaftaran Perkahwinan Luar Negara di JAIPs membabitkan tujuh pasangan yang tidak mematuhi prosedur mengikut Enakmen 7 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu antara 5 Disember 2022 hingga 24 Oktober 2023 di sebuah bank di Jalan Besar, Pekan Kuala Perlis.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Su-



Mohd Isa (tengah) di Mahkamah Sesyen Kangar, semalam.
(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

ruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 atau mana lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa SPRM Perlis, S Sujatha, manakala tertuduh diwakili peguam, Ariff Azami Hussein, Zuhair Ahmad Zakuan dan Mohamad Alif Farhan

Mohamad Supian.

Mohd Isa mengaku tidak bersalah sebelum hakim membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dan mengarahkan pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah, selain perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM Perlis sebelum atau pada setiap 15 hari bulan.

Tertuduh yang mempunyai sembilan anak, termasuk enam masih bersekolah kemudian membayar wang jaminan ditetapkan, diwakili siak masjid tempatnya bertugas.



BERITA HARIAN

16.01.2025 (KHAMIS)

4 lembaga pengarah ditahan seleweng RM104j

Kuala Lumpur: Empat ahli lembaga pengarah syarikat antara lima yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyeleweng dana pelaburan awam dianggarkan bernilai RM104 juta.

Menurut sumber, kelima-lima suspek termasuk seorang wanita berusia lingkungan 50-an hingga 60-an ditahan petang, kelmarin ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM Putrajaya.

"SPRM menerima beberapa aduan dan maklumat berkaitan kegiatan berunsur jenayah yang dilakukan oleh sebuah syarikat pemegang amanah berlesen di bawah Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Syarikat itu didapati menggunakan dana yang dikumpul daripada pelabur untuk kepentingan peribadi individu yang bersekongkol dalam kegiatan jenayah ini," katanya.

Sumber berkata, kira-kira RM104 juta dikesan diseleweng daripada syarikat terbabit ke beberapa syarikat persendirian yang dimiliki oleh proksi.

Lima suspek direman

Susulan penahanan itu, kelima-lima suspek direman tujuh hari bermula semalam sehingga Selasa ini dengan perintah reman dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Sementara itu, Ketua Pesuru-

haja SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan ke atas kelima-lima suspek dibuat dalam satu operasi digelar Op Trust.

"Modus operandi kegiatan itu memerlukan kepakaran yang tinggi dalam kalangan pegawai SPRM untuk menjejak aliran kewangan.

"Selain itu, siasatan ini juga adalah bertujuan untuk membantu kerajaan mengukuhkan kepercayaan awam terhadap badan pengawal selia yang mengeluarkan lesen untuk syarikat pemegang amanah, selain mewujudkan platform yang bersih dan selamat untuk bakal pelabur," katanya.

Azam berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



Antara lima suspek dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto ihsan SPRM)



BERITA HARIAN

16.01.2025 (KHAMIS)

Lebih 4,000 penjawat awam jadi mangsa sindiket tawaran pinjaman

Kegiatan dipercayai berselindung di sebalik agensi kewangan bantu urus kewangan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan lebih 4,000 penjawat awam terpedaya dengan sindiket tawaran pinjaman didalangi pegawai bank di beberapa institusi kewangan negara.

Siasatan menunjukkan selepas pinjaman diluluskan, peminjam akan membayar balik wang pendahuluan daripada sindiket, manakala baki pinjaman dilaburkan dalam skim pelaburan.

Difahamkan, ramai menjadi mangsa dan terpedaya dengan kegiatan itu selepas sindiket dikatakan masuk ke Kementerian dan jabatan awam di seluruh negara dengan berselindung di sebalik agensi kewangan yang membantu menguruskan kewangan.

BH difahamkan, sindiket menawarkan jelajah ke jabatan kerajaan dan mempamerkan diri sebagai agensi bantuan kewangan yang boleh membantu penjawat awam yang mempunyai pinjaman atau hutang lapuk.

Mereka juga dikatakan menjadikan media sosial sebagai medan utama untuk menarik ramai mangsa yang akan terpedaya dengan janji sindiket yang mendakwa mampu menyelesaikan masalah kewangan mereka.

"Sindiket menjadikan platform media sosial sebagai me-

dan untuk memburu mangsa dengan menawarkan khidmat bantuan perunding kewangan, malah akan mengadakan jelajah di jabatan serta Kementerian awam untuk menarik penjawat awam.

"Setakat ini, pihak berkuasa mengesan ribuan mangsa adalah penjawat awam," kata sumber kepada BH di sini semalam.

Kelmarin, SPRM menumpaskan sindiket menjalankan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram bagi membolehkan penjawat awam yang mempunyai hutang lapuk mendapatkan pinjaman peribadi di institusi perbankan tempatan.

Menerusi serbuan di 24 lokasi melalui Ops Sky yang dijalankan di rumah kediaman dan pejabat sekitar Lembah Klang, seramai 12 individu ditahan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dengan kerjasama Bank Negara



12 individu termasuk pengarah syarikat perunding kewangan disyaki terbahit rasuah dan pengubahan wang haram ditahan SPRM menerusi Ops Sky. (Foto ihsan SPRM)

Malaysia (BNM).

Terima rasuah

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki, dilaporkan berkata berdasarkan siasatan awal, SPRM percaya terdapat pegawai di beberapa institusi perbankan yang menerima rasuah daripada pegawai syarikat perunding kewangan sebagai balasan membantu memproses dan melulus-

kan pinjaman peribadi pelanggan yang dikenal pasti mempunyai hutang lapuk.

Mereka ditahan termasuk dua pengarah syarikat perunding kewangan, selain pengarah yayasan, pengurus dan bekas pengurus jualan institusi perbankan.

Menerusi Ops Sky itu, SPRM membekukan 70 akaun syarikat dan individu membabitkan nilai lebih RM16.2 juta, selain menyita-

sembilan kenderaan pelbagai jenama, wang tunai, jam tangan mewah, beg tangan berjenama serta barangan kemas.

Pegawai bank dikatakan akan mengenal pasti penjawat awam yang mempunyai hutang lapuk, seterusnya diperkenalkan kepada syarikat perunding kewangan yang akan menawarkan bantuan skim *multiple loan*.

Syarikat perunding kewangan ini dipercayai membantu menyediakan dokumen mengandungi maklumat palsu yang dihantar ke beberapa institusi kewangan untuk mendapatkan pinjaman.

Hasil siasatan menunjukkan syarikat perunding mendahuluikan wang kepada peminjam untuk melangsaikan hutang itu dan selepas pinjaman diluluskan, peminjam akan membayar balik pendahuluan itu, manakala baki pinjaman dilaburkan dalam satu skim pelaburan.





HARIAN METRO

16.01.2025 (KHAMIS)

Shah Alam: Seorang pengarah pihak berkuasa tempatan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas pertuduhan menerima wang berjumlah RM3,500 daripada seorang kontraktor infrastruktur pada 2019.

Tertuduh, Nor Hasyimah Tamziz, 50, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Berdasarkan pertuduhan, Nor Hasyimah sebagai seorang penjawat awam telah menerima untuk dirinya suatu benda berharga wang berjumlah RM3,500 daripada seorang lelaki berusia 54 tahun ke dalam akaun bank miliknya tanpa balasan diketahui ada kaitan dengan tugas rasminya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah cawangan bank di Jalan Kapar, Klang pada 9 Mei 2019.

Tertuduh didakwa mela-



NOR Hasyimah dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam.

Dituduh rasuah RM3,500

kukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan jika sabit kesalahan, boleh dipenjara sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencega-

han Rasuah Malaysia Muaz Ahmad Khairuddin mengesyorkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin warganegara serta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM

berdekatan.

Peguam tertuduh, V Aya-samy kemudian memohon mahkamah mengenakan jaminan dikurangkan atas alasan tertuduh mempunyai empat anak termasuk seorang yang sedang belajar di luar negara.



SINAR HARIAN

16.01.2025 (KHAMIS)

Imam mengaku tidak bersalah terima suapan RM26,300

KANGAR - Seorang imam masjid di daerah Kangar yang juga penolong pendaftar nikah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, atas tujuh pertuduhan menerima suapan berjumlah RM26,300 yang didakwa bagi memproses pendaftaran perkahwinan di Thailand di Perlis.

Pengakuan Mohd Isa Abdul Karim, 53, direkodkan di hadapan Hakim Datuk Nu'aman Mahmud Zuhudi.

Tertuduh didakwa menerima suapan itu antara 5 Disember 2022 hingga 24 Oktober 2023 di sebuah bank di Kuala Perlis yang didakwa untuk memproses pendaftaran perkahwinan luar negara di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) yang tidak mengikut prosedur di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006.

Pendakwaan dibuat

mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin terhadap tertuduh, berserta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan, selain menetapkan sebutan semula kes pada 28 Februari ini.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Perlis, S Sujatha manakala tertuduh diwakili Peguam Ariff Azami Hussein dan Zuhair Ahmad Zakuan.

- Bernama



Mohd Isa (depan, tengah) didakwa atas tujuh pertuduhan menerima suapan berjumlah RM26,300.



SINAR HARIAN

16.01.2025 (KHAMIS)

5 ditahan kes seleweng dana pelaburan RM104j

Empat ahli lembaga pengarah syarikat antara ditahan SPRM bagi bantu siasatan

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman lima individu disyaki terbabit dalam satu penipuan melibatkan dana pelaburan orang awam.

Sumber berkata, perintah reman selama tujuh hari sehingga Selasa telah dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin, selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Rabu.

Menurut sumber, kelima-lima suspek termasuk empat ahli lembaga pengarah syarikat yang berusia lingkungan 50 sehingga 60-an telah ditahan sekitar jam 7 petang, Selasa ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM, Putrajaya.

"SPRM telah menerima bebra-



Lima individu ditahan reman pada Rabu kerana disyaki terbabit dalam satu penipuan melibatkan dana pelaburan orang awam berjumlah RM104 juta.

Mahkamah & Jenayah

amanah berlesen di bawah Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Syarikat tersebut didapati menggunakan dana yang dikumpul daripada pelabur untuk kepentingan peribadi dan bersama individu yang bersekongkol dalam kegiatan jenayah ini," katanya.

Sumber berkata, dana sebanyak RM104 juta telah dikesan diselewengkan daripada syarikat itu ke beberapa syarikat persendirian

pa aduan dan maklumat berkaitan kegiatan ber-

unsur jenayah yang dilakukan oleh sebuah syarikat pemegang

yang dimiliki oleh proksi.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan tangkapan tersebut yang dibuat dalam Op Trust.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Jelasnya, modus operandi yang dijalankan dalam kegiatan tersebut memerlukan kepakaran yang tinggi bagi pegawai SPRM untuk menjejak aliran kewangan.

"Siasatan ini bertujuan membantu kerajaan mengukuhkan kepercayaan awam terhadap badan pengawal selia yang mengeluarkan lesen untuk syarikat-syarikat pemegang amanah," ujarnya.



SINAR HARIAN

16.01.2025 (KHAMIS)

Pesara Komander TLDM tipu kontrak lebih RM1.07 juta

JOHOR BAHRU - Seorang pesara Komander Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini pada Rabu atas 89 pertuduhan menipu membabitkan pelbagai kerja perolehan di Kem Kapal Diraja (KD) Sultan Ismail berjumlah lebih RM1.07 juta, dua tahun lalu.

Bagaimanapun, Haizad Ismail, 43, mengaku tidak bersalah bagi semua pertuduhan itu selepas dibacakan oleh dua jurubahasa mahkamah selama dua jam 30 minit di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan 89 kertas pertuduhan, bekas penjawat awam itu didakwa menipu Kepten TLDM, Shaiful Fadzli Ismail, 50, sebagai Pegawai Memerintah KD Sultan Ismail dengan memperdayakannya untuk mempercayai bahawa pelbagai kerja perolehan di Rumah Keluarga Angkatan Tentera, KD Sultan Ismail telah selesai dilaksanakan.

Perbuatan itu didakwa dengan curangnya mendorong Shaiful Fadzli untuk memperakukan pembayaran keseluruhannya berjumlah RM1,070,100 kepada 10 syarikat yang mana beliau tidak akan memperakukan pembayaran itu jika tidak diperdayakan.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh juga dikenakan denda, jika sabit kesalahan.



Haizad (kiri) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Rabu.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Muhammad Asraf Mohamed Tahir mencadangkan jumlah jaminan RM180,000 bagi semua pertuduhan dihadapi tertuduh.

Peguam Nur'ain Shahiera Khalid yang mewakili tertuduh memohon mahkamah membenarkan anak guamnya diikat jamin dengan jumlah lebih rendah.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM39,000 bagi semua pertuduhan dan menetapkan 15 April depan untuk sebutan semula kes.



SINAR HARIAN

17.01.2025 (JUMAAT)

13 lagi memeriksa kenderaan ditahan

Kesemua suspek lelaki dipercayai terima RM150 hingga RM1,500 sebulan daripada *runner*

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Laporan Sinar Harian mengenai kes rasuah Puspakom.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 13 lagi pegawai memeriksa kenderaan disyaki terlibat dalam sindiket meluluskan pemeriksaan kenderaan berat di sebuah pusat pemeriksaan kenderaan di sekitar ibu negara.

Menurut sumber, kesemua suspek lelaki berusia antara 20-an dan 40-an telah ditahan antara jam 1 hingga 2 petang

pada Selasa dan 10 pagi hingga 3 petang pada Rabu.

Sumber berkata, mereka ditahan semasa hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati kesemua suspek dipercayai menerima wang rasuah antara RM150 hingga RM1,500 sebulan secara tunai daripada *runner* sebagai balasan membantu meluluskan pemeriksaan kenderaan di mana mereka bertugas.

"Penahanan kesemua suspek adalah susulan tangkapan enam pegawai memeriksa kenderaan pada Isnin lalu dan juga hasil soal siasat yang dijalankan oleh SPRM ke atas seorang ejen yang diserahkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum ini," katanya pada Khamis.

Sehingga Rabu, kata sumber, SPRM telah menahan 22 suspek termasuk 19 pegawai memeriksa kenderaan, seorang ejen dan



Kesemua suspek lelaki berusia antara 20-an dan 40-an telah ditahan antara jam 1 hingga 2 petang pada Selasa dan 10 pagi hingga 3 petang pada Rabu.

dua orang *runner*.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya mengesahkan penahanan tersebut dan menyatakan kes disiasat di bawah Seksyen 16 (b) (A) Akta

SPRM 2009.

Bagaimanapun tambah beliau, kesemua 13 pegawai memeriksa kenderaan yang ditahan pada Selasa dan Rabu akan dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangan diambil.

6 pegawai memeriksa kenderaan ditahan

13 lagi ditahan antara jam 1 hingga 2 petang pada Selasa dan 10 pagi hingga 3 petang pada Rabu.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 13 lagi pegawai memeriksa kenderaan disyaki terlibat dalam sindiket meluluskan pemeriksaan kenderaan berat di sebuah pusat pemeriksaan kenderaan di sekitar ibu negara.

Menurut sumber, kesemua suspek lelaki berusia antara 20-an dan 40-an telah ditahan antara jam 1 hingga 2 petang pada Selasa dan 10 pagi hingga 3 petang pada Rabu.

Sumber berkata, mereka ditahan semasa hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.



SINAR HARIAN

17.01.2025 (JUMAAT)

Rasuah: Dua pengarah syarikat, seorang pegawai agensi direman kes lulus LKP

PUTRAJAYA - Dua pengarah syarikat dan seorang pegawai agensi sebuah kementerian direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercayai terbabit rasuah dalam mendapatkan surat tawaran kelulusan Lesen Kenderaan Perdagangan (LKP) tanpa memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Kesemua individu berusia lingkungan 40 hingga 50-an itu direman empat hari sehingga Ahad ini selepas Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan reman yang dikemukakan SPRM di Mahkamah Majistret di sini.

Mengikut sumber, ketiga-tiga lelaki itu disyaki terbabit dalam kegiatan mendapatkan surat tawaran kelulusan LKP daripada sebuah agensi tanpa memenuhi syarat-

syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan.

"Syarikat-syarikat ini dipercayai bersekolong dengan pegawai-pegawai daripada agensi berkenaan dengan menyediakan maklumat palsu bagi mendapatkan surat tawaran kelulusan permohonan baharu LKP Kelas Lesen Pembawa dengan bayaran RM3,500 setiap permohonan.

"Pihak syarikat akan bantu mana-mana pihak memalsukan dokumen seperti penyata bank dan menguruskan proses permohonan termasuk Surat Tawaran Kelulusan (STK), Surat Kelulusan Lanjut Usia (SKLU) bagi membolehkan kenderaan perdagangan jalani Pemeriksaan Awalan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom)," kata sumber. -*Bernama*



BERITA HARIAN

17.01.2025 (JUMAAT)

Op Regada

Bekas datuk bandar antara 4 tangkapan terbaharu

Polis turut rampas 32 dokumen syarikat

Oleh Nor Azizah Mohdhar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas datuk bandar antara empat tangkapan terbaharu oleh pihak polis, semalam berhubung kes pengubahan wang haram membabitkan sebuah syarikat penyiaran di Sarawak.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata tangkapan itu susulan penahanan lima individu, termasuk seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat penyiaran di Sarawak, pada Jumaat lalu.

Katanya, empat individu termasuk dua wanita berusia antara 53 hingga 71 tahun itu ditahan oleh Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) Bukit Aman di Kuching.

"Tangkapan pertama membabitkan seorang lelaki berusia 53 tahun dan seorang wanita yang juga seorang pengarah sebuah syarikat yang berusia 62 tahun pada jam 7 malam, se-



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret di Kuching, semalam.

malam (kelmarin).

"Kedua-dua individu terbabit kini direman dua hari sehingga esok (hari ini) bagi membantu siasatan.

"Kita turut merampas kira-kira 32 dokumen di sebuah syarikat," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, tangkapan terbaharu, semalam membabitkan dua individu, iaitu seorang bekas datuk bandar di Sarawak berusia 67 tahun dan seorang wanita berusia 71 tahun yang juga bekas pengurus besar sebuah syarikat kumpulan media.

"Kedua-dua individu terbabit



(Foto BERNAMA)

ditahan hari ini (semalam) dan kita akan memohon reman terhadap mereka.

"Siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti pembabitkan semua suspek dengan kes ini," katanya.

Suspek turut tibi tender

Jumaat lalu, media melaporkan lima individu berusia 26 hingga 62 tahun ditahan dalam Op Regada di Sarawak dan Pulau Pinang, susulan maklumat risikan mendapati terdapat pengaliran wang mencurigakan membabitkan beberapa akaun bank sejak 2017 hingga September, ta-

hun lalu.

Suspek disyaki turut menipu tender selain menganugerahkan tender kepada diri sendiri dan ahli keluarga.

Hasil serbuan dijalankan, pasukan AMLA Bukit Aman turut menyita serta membekukan pelbagai aset membabitkan kenderaan, akaun bank dan dokumen dianggarkan bernilai RM17.4 juta.

Siasatan lanjut sedang dijalankan di bawah Seksyen 409, Seksyen 420 dan Seksyen 403 Kanun Keseksaan, selain Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.



BERITA HARIAN

17.01.2025 (JUMAAT)

Kegiatan pengubahan wang haram

Lebih ramai pegawai bank akan ditahan

Kuala Lumpur: Lebih ramai pegawai bank terbabit kegiatan pengubahan wang haram dengan sebuah organisasi perunding kewangan akan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki, berkata pihaknya ketika ini sedang menyiasat salah laku membabitkan organisasi itu dan percaya terdapat lebih ramai individu terbabit yang akan ditahan dalam masa terdekat.

Setakat ini, katanya, fokus dalam *Ops Sky* adalah terhadap dalang utama sindiket itu, antara 12 suspek yang direman Mahkamah Majistret Putrajaya, Selasa lalu.

Modus operandi sindiket, membantu peminjam memohon pinjaman daripada pelbagai bank dengan mengambil komi-

Lebih 4,000 penjawat awam jadi mangsa sindiket tawaran pinjaman



Keratan akhbar BH semalam.

sen selepas pinjaman diluluskan.

Sindiket akan mengambil sekitar satu peratus daripada nilai pinjaman diluluskan dan dibahagikan sesama mereka, termasuk pegawai bank terbabit.

"Kami percaya masih ramai yang terbabit dalam kegiatan ini dan akan turut menyiasat mereka," katanya kepada *BH*, semalam.

Isnin lalu, 12 individu ditahan di sekitar Lembah Klang, terma-

suk dua pengarah syarikat perunding kewangan, seorang pengarah yayasan, seorang pengurus dan seorang bekas pengurus jualan institusi perbankan.

Mereka ditahan melalui *Ops Sky* dilancarkan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) yang menyerbu 24 lokasi membabitkan rumah kediaman dan pejabat.

Mangsa sindiket

Kelmarin, *BH* mendedahkan 4,000 penjawat awam menjadi mangsa sindiket didalangi pegawai bank di beberapa institusi kewangan negara.

Difahamkan, ramai menjadi mangsa dan terpedaya selepas sindiket berjaya menyusup masuk ke kementerian dan jabatan

awam di seluruh negara.

BH turut difahamkan, sindiket menjelajah ke jabatan-jabatan kerajaan dan mendakwa mereka daripada sebuah agensi bantuan kewangan kononnya boleh membantu penjawat awam yang mempunyai pinjaman atau hutang lapuk.

Mereka juga dikatakan menjadikan media sosial sebagai medan utama menarik mangsa yang mahu menyelesaikan masalah kewangan.

Azam berkata, siasatan awal mendapati terdapat pegawai beberapa institusi perbankan menerima rasuah daripada pegawai syarikat perunding kewangan sebagai balasan untuk membantu memproses dan meluluskan pinjaman peribadi pelanggan yang dikenal pasti mempunyai hutang lapuk.



HARIAN METRO

17.01.2025 (JUMAAT)

SPRM siasat pinjaman RM700 juta

4,000 penjawat awam disyaki terima manfaat sindiket rasuah

Oleh Raja Noraina Raja Rahim

rnoraina@hmetro.com.my

Mutual Report

Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati sejumlah RM700 juta pinjaman sudah diluluskan kepada 4,000 penjawat awam membabitkan kegiatan sindiket rasuah dan pengubahan wang haram dalam kalangan pegawai bank dan organisasi perunding kewangan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pinjaman dilulus itu daripada pelbagai bank sejak syarikat itu beroperasi tahun 2020.

Menurutnya, sindiket dipercayai menawarkan khidmat bantuan perunding kewangan kepada kakitangan awam melalui platform media sosial dan jelajah ke jabatan serta kementerian.

"Sejak 2020, syarikat mendapat keuntungan diperoleh daripada yuran perkhidmatan, yuran penyelesaian hutang lapuk dan skim pelaburan daripada peminjam melalui pembiayaan peribadi pelbagai bank secara serentak.

"Hasil aktiviti itu, syarikat membayar dividen kepada peminjam empat peratus sebulan daripada jumlah pelaburan yang dibuat syarikat," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, siasatan PRM mengesan syarikat menggunakan hasil haram itu membeli aset, hartanah dan

kenderaan mewah untuk kepentingan peribadi.

Menurut Azam, pihaknya kini mengenal pasti aset dan akaun bank lain milik syarikat itu untuk tindakan pembekuan.

"Dijangka ada tambahan 20 akaun bank dibekukan. Setakat ini 70 akaun bank berjumlah RM16.2 juta sudah dibekukan," katanya.

Menurutnya, pelbagai aset dan barangan mewah disita termasuk wang tunai RM300 ribu; mata wang Hong Kong 95,000 (KRM54,985); 17 jam tangan mewah bernilai RM11.1 juta; lima beg tangan berjenama (RM430,000); lima set barang kemas (RM50,000) serta sembilan kenderaan pelbagai jenama.

Beliau tidak menolak kemungkinan lebih ramai pegawai bank terbabit dalam kegiatan pengubahan wang haram dengan organisasi perunding kewangan itu akan ditahan menerusi Op Sky dalam masa terdekat.

Harian Metro terdahulu melaporkan, SPRM menumpaskan sindiket kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan dan institusi kewangan susulan penahanan 12 individu di sekitar Lembah Klang.

Semua suspek termasuk dua wanita berusia antara 20 hingga 40-an itu ditahan dalam serbuan Op Sky di 24 lokasi termasuk rumah dan pejabat di sekitar Lembah Klang pada 13 Januari lalu.



SINAR HARIAN

17.01.2025 (JUMAAT)

Pengarah syarikat minta, terima rasuah RM1 juta ditahan

PUTRAJAYA - Seorang pengarah syarikat disyaki meminta dan terima rasuah kira-kira RM1 juta ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Rabu.

Sumber berkata, ia sebagai balasan untuk memberikan kerja-kerja sebagai subkontraktor berhubung tender perkhidmatan membekal makanan dan minuman kepada pekerja berjumlah RM900 juta.

Kata sumber, perintah reman selama lima hari dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Khamis.

"Suspek lelaki berusia lingkungan 50-an itu ditahan kira-kira jam 8 malam pada Rabu ketika hadir bagi memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut pada Ogos 2023 dan wang rasuah dikesan dipindahkan ke akaun milik syarikat suspek," katanya, pada Khamis.

Menurutnya, suspek juga disyaki mengaku kontraktor utama bagi tender pembekalan makanan dan minuman selama lima tahun kepada pekerja di sebuah loji penapisan minyak, sedangkan pembekalan tersebut tidak wujud.

Pada masa yang sama tambahnya, suspek yang turut bertindak menyamar dengan gelaran Datuk mempunyai rekod jenayah membabitkan kes penipuan.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman mengesahkan tangkapan.



BERITA HARIAN

18.01.2025 (SABTU)

Kegiatan pengubahan wang haram

SPRM kesan RM700 juta pinjaman bank diluluskan

16 lagi individu sektor kewangan sedang dikesan untuk disiasat dalam Ops Sky

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan hampir RM700 juta pinjaman bank diluluskan kepada peminjam yang kemudian terjerat dengan sindiket menawarkan bantuan kewangan.

Sumber memberitahu, nilai pinjaman berkenaan diluluskan dalam tempoh hampir lima tahun sindiket itu beroperasi, bermula era pandemik COVID-19.

Sejak 2020, katanya, institut kewangan berkenaan dikenal pasti memperoleh keuntungan daripada yuran perkhidmatan dan yuran penyelesaian hutang lapuk dikenakan ke atas peminjam.

"Jumlah pinjaman yang diluluskan setakat ini sekitar RM700 juta hasil pelbagai pinjaman peribadi diperoleh dari beberapa bank secara serentak," katanya kepada *BH*, semalam.

Rabu lalu, *BH* melaporkan lebih 4,000 penjawat awam terpedaya dengan sindiket tawaran pinjaman yang turut didalangi pegawai bank di beberapa ins-

titusi kewangan negara.

Difahamkan, ramai menjadi mangsa dan terpedaya dengan kegiatan itu selepas sindiket dikatakan masuk ke Kementerian dan jabatan awam di seluruh negara dengan berselindung di sebalik agensi kewangan yang membantu menguruskan kewangan.

Sita lebih 4,000 dokumen

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, memberitahu *NST*, pihaknya sedang mengesan sekurang-kurangnya 16 lagi individu dalam sektor kewangan untuk disiasat dalam Ops Sky.

Katanya, SPRM turut menyita lebih 4,000 dokumen dalam siasatan berkenaan setakat ini.

"Beberapa pegawai (sektor kewangan) dilaporkan menerima RM5,000 bagi setiap pinjaman yang mereka luluskan, dengan nilai rasuah diterima antara 0.5 peratus hingga 1 peratus daripada nilai pinjaman," katanya.

Awal minggu ini, *BH* melaporkan, SPRM menumpaskan kegiatan rasuah dan pengubahan

wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan dengan pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Difahamkan, 12 individu ditahan hasil serbuan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) di 24 lokasi melalui Ops Sky, meliputi rumah kediaman dan pejabat di sekitar Lembah Klang pada Isnin.

Mereka ditahan, termasuk dua pengarah syarikat perunding kewangan dan masing-masing seorang pengarah yayasan, pengurus serta bekas pengurus jualan institusi perbankan.

Siasatan awal mendapati ada pegawai di beberapa institusi perbankan menerima rasuah daripada pegawai syarikat perunding kewangan sebagai balasan membantu memproses dan meluluskan pinjaman peribadi pelanggan yang dikenal pasti mempunyai hutang lapuk.

Modus operandi, pegawai bank mengenal pasti pelanggan terdiri penjawat awam yang mempunyai hutang lapuk, seterusnya diperkenalkan kepada syarikat perunding

kewangan yang akan menawarkan bantuan skim *multiple loan*.

Syarikat perunding kewangan terbabit dipercayai membantu menyediakan dokumen mengandungi maklumat palsu yang akan dihantar ke beberapa institusi kewangan untuk mendapatkan pinjaman.

Hasil siasatan juga menunjukkan syarikat perunding kewangan itu akan mendahulukan wang kepada peminjam untuk melangsangkan hutang dan selepas pinjaman diluluskan, peminjam perlu membayar balik pendahuluan itu, manakala baki pinjaman dilaburkan dalam satu skim pelaburan.

Hasil Ops Sky, SPRM membekukan 70 akaun syarikat dan individu membabitkan nilai lebih RM16.2 juta, selain menyita sembilan kenderaan pelbagai jenama terdiri Ferrari F8 Spider, Lexus RC300, Mercedes-Benz GLC43, BMW, Toyota Alphard, Mazda dan Honda.

Suruhanjaya itu turut menyita wang tunai lebih RM300,000, selain mata wang Hong Kong (HKD) 95,000 (RM54,985), 17 jam tangan mewah dianggarkan lebih RM11.1 juta, lima unit beg tangan berjenama dianggarkan lebih RM430,000, lima set barang kemas dianggarkan lebih RM50,000 serta dua unit komputer riba dan dua unit tablet.

Sejak Mei lalu, *BH* melakukan beberapa siri pendedahan mengenai kepincangan dalam sistem kewangan negara yang mengakibatkan jenayah kewangan berleluasa.

Beberapa pegawai (sektor kewangan) dilaporkan menerima RM5,000 bagi setiap pinjaman yang mereka luluskan

Azam Baki,
Ketua Pesuruhjaya SPRM





BERITA HARIAN

18.01.2025 (SABTU)

Hukuman bekas majistret minta, terima suapan kekal

Kuantan: Mahkamah Tinggi, di sini semalam mengekalkan hukuman denda dan penjara ke atas seorang bekas majistret yang didapati bersalah atas enam pertuduhan meminta dan menerima rasuah daripada seorang peniaga, kira-kira lima tahun lalu.

Hakim Datuk Mohd Radzi Harun menolak rayuan Mohamad Amin Shahul Hamid, 44, dan mengekalkan hukuman penjara 58 tahun dan denda RM1.05 juta atau 72 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan Mohamad Amin menangguhkan pelaksanaan hukuman penjara yang ditetapkan bermula semalam dan denda kerana ingin merayu ke Mahkamah Rayuan.

Bagi tujuan itu, mahkamah menaikkan jaminan asal daripada RM50,000 kepada RM100,000 dengan dua penjamin.

Dalam penghakimannya, Mohd Radzi berkata, selepas meneliti, beliau mendapati semua hukuman yang dijatuhkan Hakim Mahkamah Sesyen adalah adil, saksama dan tidak keterlaluan, selain sejajar dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mohamad Amin didakwa meminta suapan berjumlah RM100,000 dan menerima suapan bernilai RM110,000 daripada peniaga Hassan Basri Ahmad Sultan Modo di Lipis dan Raub antara 5 Julai hingga 22 Okt 2019, yang didakwa sebagai dorongan untuk hanya mengenakan hukuman denda dan bukan penjara terhadap lelaki itu yang didakwa memiliki rokok seludup.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) dan Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 serta boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta yang sama yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pada prosiding itu, pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya SPRM Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin dan Ezuain Farhana Ahmad, manakala perayu diwakili peguam R Arvend serta S Arvind.

Terdahulu, Wan Shahrudin memohon jaminan dikenakan terhadap Mohamad Amin dinaikkan kepada RM100,000 dengan dua penjamin.

Bagaimanapun, Arvend memohon jumlah berkenaan dikurangkan kerana anak guamnya hanya membantu keluarga menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. BERNAMA



SINAR HARIAN

18.01.2025 (SABTU)

Hukuman penjara 58 tahun, denda RM1.05j bekas majistret dikekalkan



Mohamad Amin (tengah) dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi Kuantan pada Jumaat selepas mendengar rayuannya untuk mengetepikan hukuman dan sabitan ke atasnya.

KUANTAN - Mahkamah Tinggi Kuantan pada Jumaat mengekalkan hukuman penjara 58 tahun dan denda RM1.05 juta terhadap bekas majistret yang didapati bersalah atas enam pertuduhan berkaitan rasuah.

Keputusan dibuat Hakim Datuk Mohd Radzi Harun selepas menolak rayuan Mohamad Amin Shahul Hamid, 44, selaku perayu bagi mengetepikan hukuman dan sabitan yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen pada Mac 2022.

Mohd Radzi turut membenarkan Mohamad Amin menangguhkan pelaksanaan hukuman penjara yang ditetapkan bermula Jumaat selepas perayu memohon untuk membawa kes itu ke Mahkamah Rayuan.

Mahkamah turut menaikkan jaminan asal daripada RM50,000 kepada RM100,000 dengan dua penjamin bagi tujuan tersebut.

Terdahulu, dalam penghakiman,

Mohd Radzi berkata, selepas meneliti kesemua keputusan yang dibuat Hakim Mahkamah Sesyen sebelum ini adalah adil, saksama dan tidak keterlaluan.

Malah, jelasnya ia sejajar dengan kehendak Akta SPRM.

"Maka, rayuan perayu mengenai hukuman adalah dengan ini ditolak," katanya dalam prosiding itu.

Pada 18 Mac 2022, Mohamad Amin dijatuhi hukuman penjara 58 tahun dan denda RM1.05 juta Mahkamah Sesyen Kuantan selepas didapati bersalah terhadap enam kes pertuduhan berkaitan rasuah.

Mahkamah turut memerintahkan 72 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda.

Bagaimanapun, semua hukuman penjara itu diperintahkan berjalan serentak selama 12 tahun bermula tarikh sabitan.

Mohamad yang pernah ber-

khidmat di Mahkamah Lipis dan Raub didapati bersalah meminta suapan berjumlah RM100,000 dan menerima suapan bernilai RM110,000 daripada Hassan Basri Ahmad Sutan Modo di sekitar Lipis dan Raub antara 5 Julai hingga 22 Oktober 2019.

Suapan tersebut sebagai dorongan untuk hanya mengenakan denda dan tidak menjatuhkan hukuman penjara terhadap Hassan Basri yang didakwa memiliki rokok seludup semasa kes itu didengar di hadapan tertuduh.

Dia didapati bersalah mengikut Seksyen 16(a)(B) dan Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 serta boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



SINAR HARIAN

18.01.2025 (SABTU)

Lagi 16 individu mungkin ditahan - SPRM

Pegawai bank, syarikat perundingan terlibat sindiket pinjaman wang penjawat awam

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merampas 4,000 dokumen bagi membantu siasatan sindiket selepas RM700 juta pinjaman diluluskan kepada penjawat awam membabitkan syarikat perunding kewangan bersama pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Ini selepas kejayaan SPRM menerusi pembongkaran kegiatan sindiket itu di 24 buah lokasi termasuk rumah dan pejabat termasuk menangkap 12 individu di sekitar Lembah Klang pada Isnin.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, seramai 16 individu membabitkan pegawai bank dan syarikat perundingan akan dipanggil bagi membantu siasatan

serta berkemungkinan ditahan.

"Setakat hari ini, sebanyak 4,000 dokumen sudah dirampas dan dalam proses siasatan.

"Pegawai bank yang ditahan terdiri dari pelbagai jawatan dan sudah bekerja antara lima hingga 20 tahun," katanya pada Jumaat.

Beliau berkata, pegawai yang menguruskan pinjaman akan menerima

0.5 peratus hingga satu peratus daripada nilai pinjaman dan ada sesetengah kes pegawai bank akan menerima RM5,000 bagi satu kes pinjaman.

Tambahnya, SPRM sedang menyenaraikan peminjam terlibat dan mereka akan dipanggil untuk memberikan keterangan dalam masa terdekat.



AZAM

pengurus jualan institusi perbankan.

Dalam serbuan Op Sky itu, SPRM turut membekukan 70 akaun syarikat dan individu membabitkan nilai lebih RM16.2 juta selain sitaan sembilan unit kenderaan pelbagai jenama terdiri daripada Ferrari F8 Spider, Lexus RC300, Mercedes-Benz GLC43, BMW, Toyota Alphard, Mazda serta Honda.

Operasi dengan kerjasama Bank Negara Malaysia itu juga menyita wang tunai lebih RM300,000 selain mata wang Hong Kong (HKD) 95,000 serta 17 utas jam tangan mewah dianggarkan bernilai lebih RM11.1 juta.

Sejak 2020, syarikat perunding mendapat keuntungan yang diperoleh daripada yuran perkhidmatan, yuran penyelesaian hutang lapuk dan skim pelaburan daripada peminjam yang dibuat melalui pembiayaan peribadi pelbagai bank secara serentak.

Syarikat tersebut dipercayai akan membantu menyediakan dokumen yang mengandungi maklumat palsu, seterusnya dihantar ke beberapa institusi kewangan untuk mendapatkan pinjaman.

Siasatan SPRM juga mengesan syarikat menggunakan hasil haram itu untuk membeli aset, hartanah dan kenderaan mewah bagi kepentingan peribadi.



Sindiket rasuah, pengubahan wang haram tumpas



Laporan Sinar Harian pada Rabu berkaitan Op Sky.



SINAR HARIAN

18.01.2025 (SABTU)

Promosi kempen rasuah dalam bentuk lebih interaktif

SHAH ALAM - Kempen kesedaran dan pendidikan literasi rasuah perlu lebih giat dipromosikan kepada rakyat khususnya menerusi media sosial dengan kaedah yang lebih interaktif.



ZAIRUDIN

Ahli Jawatankuasa (AJK) Rasuah Busters Selangor, Zairudin Hashim berkata, penting untuk setiap pihak bersatu padu menentang rasuah bagi membersihkan negara daripada jenayah tersebut.

"Setiap lapisan masyarakat perlu menyokong dan menyertai usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memerangi rasuah dengan menyatakan pandangan positif, mesej atau sokongan untuk menolak rasuah.

"Kita juga perlu mengambil inisiatif dengan melaporkan kepada pihak berkenaan jika terdapat unsur salah guna kuasa," ujarinya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Sebelum ini, Ketua Suruhanjaya SPRM mengeluarkan amanat 2025 antaranya bersedia menghadapi cabaran dalam aspek pendigitalan dan kecerdasan buatan selari dengan hala tuju kerajaan.

Selain itu, semua pegawai perlu peka dengan isu semasa serta melaksanakan amanah dalam meningkatkan indeks persepsi rasuah.

Tambah Zairudin, pihaknya menyambut baik komitmen dikongsi Ketua Pesuruhjaya SPRM yang menzahirkan kesungguhan untuk mengatasi ketirisan dalam negara.

"Ini meletakkan SPRM sebagai antara instrumen 'semak dan imbang' terpenting dalam usaha negara meningkatkan semula ekonomi dengan lebih adil, telus serta berakauntabiliti.

"Selepas hampir enam dekad berkhidmat, aspirasi SPRM pasti tidak berubah. Bahkan harapan berkenaan makin bertambah apatah lagi rakyat kian cakna dan sensitif terhadap isu integriti dalam tadbir urus serta tata kelola kerajaan," ulas beliau.



BERITA HARIAN

19.01.2025 (AHAD)

SPRM tingkat siap siaga pegawai, manfaatkan AI buru perasuah

• Aktiviti pencegahan merangkumi dua elemen penting, iaitu pengurusan tatakelola baik dan program pendidikan antirasuah kepada kumpulan sasar merangkumi pelbagai bidang

• Penggunaan teknologi terkini seperti pendigitalan dan AI menjadi langkah bijak yang dapat membantu SPRM meningkatkan kecekapan operasi, selain mempercepatkan proses siasatan



Oleh Hasyam Mohd Yusoff
bhrencana@bh.com.my

Secanggih manapun teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), manusia tetap menjadi faktor terpenting dalam memastikan sesuatu entiti dapat melaksanakan tanggungjawabnya ketika pelbagai tentangan berada di hadapan.

Sebab itulah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) komited memperkukuh kesiapan pegawai untuk berdepan pelbagai cabaran, seiring aspirasi kerajaan pada era pendigitalan dan penggunaan teknologi canggih.

Komitmen itu tersebarlah seperti diungkapkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 apabila menegaskan langkah ini bertujuan memastikan SPRM mampu menangani isu rasuah dengan lebih berkesan serta memberi impak tinggi kepada masyarakat.

Dalam dunia semakin mencabar, beliau mengingatkan SPRM perlu sentiasa bergerak seiring perkembangan pantas teknologi dan perubahan persekitaran sosial untuk memastikan keberkesanan dalam setiap tindakannya.

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan operasi, pegawai SPRM digalakkan bertindak secara proaktif, tetapi bukan hanya tertumpu kepada siasatan kes rasuah, bahkan perlu membabitkan aktiviti pencegahan lebih meluas.

Perlu diingat, aktiviti pencegahan merangkumi dua elemen penting, iaitu pengurusan tatakelola baik dan program pendidikan antirasuah kepada kumpulan sasar merangkumi pelbagai bidang.

Menzerusi pendekatan ini, kesedaran masyarakat terhadap bahaya rasuah harap terus meningkat dan menjadi benang utama dalam membentasi amalan tidak beretika.

Melalui pembabitatan masyarakat secara aktif dalam program pendidikan antirasuah, SPRM juga dapat mengukuhkan usahanya membentuk masyarakat lebih telus dan berintegriti tinggi.

Justeru, antara aspek utama diberi perhatian ialah peningkatan kemahiran dan pengetahuan pegawai SPRM. Latihan berkala dalam pelbagai bidang akan terus dijalankan bagi memastikan pegawai sentiasa bersedia menghadapi sebarang situasi.

Tambahan pula, latihan disediakan bukan sahaja bertujuan memenuhi keperluan semasa, bahkan memenuhi harapan tinggi masyarakat terhadap SPRM sebagai agensi penguatkuasaan beretika.

Dengan menyediakan pegawai terlatih dan berpengetahuan luas, SPRM mampu mengukuhkan li-

hap profesionalisme tinggi serta membina kepercayaan awam.

Pegawai juga akan dilatih untuk menggunakan teknologi terkini bagi mempercepatkan proses siasatan dan meningkatkan ketepatan data diperolehi.

Selain peningkatan kapasiti pegawai, SPRM menekankan kepentingan memperkemas struktur organisasi dan kaedah pelaksanaan tugas. Ini membabitkan penilaian semula prosedur operasi standard (SOP) sedia ada bagi memastikan ia kekal relevan dan efektif dalam menghadapi cabaran semasa.

Pendekatan holistik

Pendekatan holistik ini menunjukkan kesungguhan SPRM dalam menangani isu rasuah secara menyeluruh. Dengan menggabungkan tindakan penguatkuasaan tegas dan usaha pencegahan menyeluruh, SPRM berharap dapat mencapai matlamat jangka panjang dalam mengurangkan gejala rasuah di negara ini.

Namun, kerjasama semua pihak, termasuk sektor awam, swasta dan masyarakat umum amat diperlukan bagi memastikan kejayaan usaha ini.

Sebagai contoh, SPRM kerap mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta

dalam kempen kesedaran antirasuah seperti Majlis Ikrar Bebas Rasuah atau sambutan Hari Integriti bagi mempertuasskan lagi impak usahanya di seluruh negara.

Dalam dunia semakin canggih dan berteknologi tinggi, cabaran terhadap integriti dan ketelusan semakin ramai. Oleh itu, penggunaan teknologi terkini seperti pendigitalan dan AI menjadi langkah bijak yang dapat membantu SPRM meningkatkan kecekapan operasi.

Teknologi ini bukan sahaja dapat mempercepatkan proses siasatan, bahkan mengurangkan risiko kesilapan manusia.

Selain itu, teknologi berperanan penting dalam memantau aktiviti mencurigakan dan mengesan sebarang bentuk penyelewengan lebih awal.

Sistem data analitik canggih juga akan membantu SPRM membuat keputusan berdasarkan bukti kukuh yang amat penting dalam membantu mempercepat proses siasatan dan membuat keputusan tepat.

Secara keseluruhannya, usaha SPRM untuk meningkatkan kesiapsiagaan pegawai adalah langkah proaktif yang wajar mendapat sokongan semua pihak.

Melalui usaha berterusan dalam memperkasa pengetahuan, kemahiran dan kecekapan pegawai, SPRM menunjukkan komitmen tinggi terhadap tugasnya sebagai entiti tunggal dipeertanggungjawabkan untuk mencegah jenayah rasuah di negara ini.

Dengan memperkemas struktur dalaman dan memanfaatkan teknologi terkini, diharapkan SPRM akan terus menjadi agensi penguatkuasaan unggul dan dihormati.

Lebih penting lagi, SPRM harus sentiasa menilai keberkesanan setiap langkah diuji agar ia terus relevan dalam menghadapi cabaran masa depan.

Komitmen ini bukan sahaja penting dalam memastikan keberkesanan agensi berkenaan, bahkan dalam membina keyakinan masyarakat terhadap kemampuan kerajaan memerangi rasuah.

Jika semua inisiatif ini dilaksanakan dengan jaya, ia bukan sahaja akan memberi kesan positif kepada SPRM, tetapi juga kepada kesejahteraan negara secara keseluruhan.

Justeru, usaha mengekalkan kecemerlangan dan prestasi tinggi SPRM perlu disokong semua pihak bagi memastikan Malaysia menjadi negara bebas rasuah.

Dengan adanya sokongan padu daripada pelbagai lapisan masyarakat, matlamat negara mencapai kedudukan ke-25 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dalam tempoh 10 tahun akan datang tidak mustahil untuk dicapai.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

Sidang
Redaksi

Timbuan Pengarang Kumpulan
TITILUN@BH
titily@bh.com.my

Pengarang Eksekutif (Kandungan & Digital)
ZAKARIAH MOHD RIZA
zakud@bh.com.my

Pengarang Eksekutif (Pengeluaran)
NAZARUDIN ABU BAKAR
nazarudin@bh.com.my



BERITA HARIAN

19.01.2025 (AHAD)

4 pegawai bank ditahan

Azam sahkan tangkapan terbaru SPRM menerusi Ops Sky

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan empat pegawai bank, berkait kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan dengan pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan penahanan yang dilakukan kelmarin dan memaklumkan penaha-

nan empat pegawai bank itu tangkapan terbaru SPRM menerusi Ops Sky.

Katanya, empat suspek itu direman lima hari sehingga Rabu ini.

Sebelum ini, SPRM menerusi Ops Sky menahan 12 individu di 24 tempat di Lembah Klang termasuk dua pengarah syarikat perunding kewangan dan masing-masing seorang pengarah yayasan, pengurus serta bekas pengurus jualan institusi perbankan.

Mohon sambung reman

Mengulas lanjut, Azam berkata 12 individu yang sebelum ini direman lima hari, tujuh daripada mereka dibebaskan semalam.

"Lima lagi orang akan dimohon untuk disambung reman hari ini (semalam) untuk siasatan lanjut," katanya.

BH semalam melaporkan SPRM mengesan hampir RM700 juta pinjaman bank diluluskan

SPRM kesan RM700 juta pinjaman bank diluluskan

Keratan akhbar BH, semalam.

kepada peminjam yang kemudian terjerat dengan sindiket menawarkan bantuan kewangan.

Sumber dilaporkan memberitahu, nilai pinjaman berkenaan diluluskan dalam tempoh hampir lima tahun sindiket itu beroperasi, bermula era pandemik COVID-19.

Sejak 2020, katanya, institusi kewangan berkenaan dikenal pasti memperoleh keuntungan daripada yuran perkhidmatan dan yuran penyelesaian hutang lapuk dikenakan ke atas peminjam.

Sumber berkata, jumlah pinjaman yang diluluskan setakat ini sekitar RM700 juta hasil pelbagai pinjaman peribadi diperoleh dari beberapa bank secara serentak.

Rabu lalu, BH melaporkan lebih 4,000 penjawat awam terpedaya dengan sindiket tawaran pinjaman yang turut didalangi pegawai bank di beberapa institusi kewangan negara.

Difahamkan, ramai menjadi mangsa dan terpedaya dengan kegiatan itu selepas sindiket dikatakan mengunjungi kementerian dan jabatan awam dengan berselindung di sebalik agensi kewangan yang membantu menguruskan kewangan.

Azam dipetik berkata pihaknya sedang mengesan sekurang-kurangnya 16 lagi individu dalam sektor kewangan untuk disiasat dalam Ops Sky.

Katanya, SPRM turut menyita lebih 4,000 dokumen dalam siasatan berkenaan setakat ini.



SINAR HARIAN

19.01.2025 (AHAD)

Op Sky: Empat lagi pegawai bank ditahan

Disyaki terima rasuah bantu luluskan pinjaman peribadi pelanggan

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Empat lagi individu masing-masing dua pegawai dan dua bekas pegawai institusi perbankan ditahan reman Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Jumaat.

Sumber berkata, kesemua mereka ditahan kerana disyaki menerima rasuah sebagai balasan membantu memproses dan meluluskan permohonan pinjaman peribadi yang dikemukakan sebuah syarikat perunding kewangan.

Kata sumber, perintah reman selama lima hari hingga Rabu dikenakan ke atas masing-masing dua suspek lelaki dan dua suspek wanita berusia dalam lingkungan 20 hingga 30-an.

"Perintah reman dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada pagi ini (Sabtu).

"Keempat-empat suspek ditahan kira-kira jam 4 petang pada Jumaat ketika hadir membenarkan keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya," katanya pada Sabtu.

Sumber berkata, SPRM telah menerima beberapa aduan dan



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Sabtu bagi mendapatkan permohonan reman.

maklumat berkaitan kegiatan rasuah yang dilakukan oleh pegawai institusi perbankan yang membantu memproses serta meluluskan permohonan pinjaman peribadi pelanggan melalui sebuah syarikat perunding kewangan.

Katanya, pegawai institusi perbankan tersebut dipercayai menerima rasuah daripada syarikat perunding kewangan yang bertindak menyediakan dokumen mengandungi maklumat palsu pelanggan yang ingin membuat pinjaman peribadi.

Menurutnya di mahkamah sama, Irza Zulaikha juga mem-

benarkan permohonan sambung reman selama empat hari hingga Selasa terhadap lima suspek lelaki yang ditahan SPRM sebelum ini pada Selasa.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan tangkapan terhadap empat lagi suspek dan menyatakan kes disiasat di bawah Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, tujuh individu lain yang sebelum ini turut ditahan reman pada Rabu telah dibebaskan dengan jaminan SPRM.



SINAR HARIAN

20.01.2025 (ISNIN)

Anggota trafik tular terima rasuah di Tambak Johor disiasat

JOHOR BAHRU - Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan akan melakukan siasatan berhubung dakwaan anggotanya meminta dan menerima rasuah daripada seorang pemandu di Tambak Johor.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat berkata, pihaknya mengambil serius dakwaan dalam laman Facebook Singapore's Guide To JB yang memaparkan gambar seorang anggota polis meminta dan menerima wang secara tidak sah daripada pemandu di Tambak Johor.

"Berdasarkan siasatan awal, kejadian ini dipercayai berlaku pada jam 5 hingga 6 petang, 16 Januari lalu di Jalan Tambak Johor iaitu kira-kira 500 meter dari Bangunan Sultan Iskandar menghala ke Singapura.

"Ketika kejadian, seramai empat anggota trafik sedang menjalankan penguatkuasaan kesalahan lalu lintas," katanya dalam satu kenyataan.



SINAR HARIAN

20.01.2025 (ISNIN)

Siasatan Ops Sky

Lebih ramai pegawai bank akan dipanggil SPRM

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil lebih ramai pegawai bank dalam siasatan Ops Sky, membabitkan sindiket pengubahan wang haram didalangi syarikat perunding kewangan.

Ketua Pengarah SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata menerusi operasi itu, pihaknya dijangkakan memanggil antara 15 hingga 20 pegawai bank untuk membantu siasatan.

Dalam pada itu, katanya SPRM juga dalam proses melakukan 'je-

jak wang' terhadap akaun bank tambahan yang disyaki terbabit dalam kesalahan rasuah dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).

"SPRM juga tidak menolak kemungkinan ada lagi perintah pembekuan dilakukan terhadap akaun bank tersebut," katanya.

Mengenai tangkapan terbaharu empat pegawai bank menerusi Op Sky, Jumaat lalu, Azam berkata, SPRM akan mengeks-

trak data berkaitan permohonan pinjaman daripada sistem perbankan membabitkan empat pegawai bank terbabit bagi membantu siasatan.

"Selain itu, SPRM dalam proses mendapatkan dokumentasi pinjaman daripada institusi perbankan," katanya.

BH sebelum ini melaporkan empat pegawai bank ditahan SPRM dalam siasatan Ops Sky, membabitkan sindiket pengubahan wang haram didalangi syarikat perunding kewangan.

Penahanan terbaharu itu men-

jadikan 16 individu ditahan SPRM setakat ini, selepas serbuan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia di 24 lokasi melalui Ops Sky, meliputi kediaman dan pejabat di sekitar Lembah Klang pada Isnin lalu.

SPRM sebelum ini mengesan hampir RM700 juta pinjaman bank diluluskan kepada peminjam, terutama penjawat awam yang kemudian terjerat dengan sindiket menawarkan bantuan kewangan.

Nilai pinjaman itu diluluskan dalam tempoh hampir lima tahun sindiket beroperasi, bermula ketika pandemik COVID-19.

Sejak 2020, institusi kewangan berkenaan dikenal pasti memperoleh keuntungan daripada yuran perkhidmatan dan yuran penyelesaian hutang lapuk dikenakan ke atas peminjam.

Lebih 4,000 penjawat awam dipercayai terpedaya dengan sindiket tawaran pinjaman berkenaan yang turut didalangi pegawai bank di beberapa institusi kewangan negara.



SINAR HARIAN

21.01.2025 (SELASA)

Pengarah agensi kerajaan negeri antara dua ditahan kes rasuah

Chukai: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu menahan dua individu termasuk seorang pengarah agensi kerajaan di negeri ini selepas disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM900,000.

Kedua-dua suspek lelaki berusia 40-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan Pejabat SPRM, kira-kira jam 3 petang kelmarin.

Kedua-dua suspek ditahan disyaki meminta dan menerima rasuah sebagai balasan mendapatkan projek, menyediakan dan meluluskan beberapa pelan pembangunan kepada syarikat perunding.

Kedua-dua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Kemaman oleh anggota SPRM untuk mendapat perintah reman, pagi semalam.

Majistret Sharifah Amirda Shasha Amir Shafifuddin membenarkan kedua-dua suspek direman enam hari sehingga 25 Januari depan.

Sumber berkata, siasatan awal



Dua suspek ditahan SPRM di Chukai, semalam berkait kes rasuah RM900,000.

(Foto Rosli Ilham/BH)

mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan itu sekitar 2015 hingga 2020 dengan menerima wang rasuah secara tunai serta melalui transaksi pindahan ke akaun bank milik suspek dan juga adiknya.

Sumber itu berkata, kedua-dua suspek ditahan bersama seorang lagi individu kelmarin, namun individu terbabit dilepaskan de-

ngan jaminan SPRM.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shahzreen Abd Yazid, ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan kes berkenaan disiasat mengikut Akta SPRM 2009.

Katanya, SPRM turut menyita Toyota Velfire milik seorang daripada suspek yang disyaki dibiayai syarikat terbabit.



HARIAN METRO

21.01.2025 (SELASA)

Minta RM900,000 lulus pelan pembangunan

Chukai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu menahan dua individu termasuk seorang pengarah sebuah agensi kerajaan di negeri ini kerana disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM900,000.

Kedua lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM

kira-kira jam 3 petang kelmarin.

Mereka meminta dan menerima rasuah sebagai balasan mendapatkan projek, menyediakan dan meluluskan beberapa pelan pembangunan kepada sebuah syarikat perunding.

Majistret Sharifah Amir-da Shasha Amir Shafiddin membenarkan kedua

lelaki itu direman selama enam hari sehingga 25 Januari nanti.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan itu dari 2015 hingga 2020 dengan menerima wang rasuah secara tunai serta melalui transaksi pindahan ke akaun bank milik suspek dan juga adiknya.

Sumber itu berkata, kedua mereka ditahan bersama seorang lagi individu, namun individu terbabit dilepaskan dengan jaminan SPRM.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu Hazrul Shahzreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan kes berkenaan disiasat mengikut Akta SPRM 2009.



KEDUA-dua suspek dibawa pegawai SPRM untuk perintah reman.



HARIAN METRO

22.01.2025 (RABU)



DUA tertuduh diiring pegawai SPRM tiba di Majistret Jenayah 2, semalam.

DUA TERMASUK TIMBALAN PENGARAH DIREMAN

RM600k permudah proses permohonan

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Dua individu termasuk seorang timbalan pengarah sebuah agensi kerajaan direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan meminta dan menerima rasuah kira-kira RM600,000 daripada beberapa syarikat pelabur.

Kedua-duanya yang ditahan 5.30 petang kelma-

rin, ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Negeri Sembilan, disyaki menerima rasuah sebagai balasan memudahkan urusan permohonan syarikat terbabit.

Sumber memaklumkan, siasatan awal mendapati, mereka dipercayai melakukan perbuatan itu daripada 2019 hingga 2024.

"Mereka disyaki memin-

ta dan menerima rasuah kira-kira RM600,000 daripada syarikat-syarikat pelabur sebagai balasan membantu memudahkan syarikat terbabit mendapatkan kelulusan yang dimohon.

"Kedua-duanya disyaki menerima wang rasuah melalui transaksi pindahan ke akaun bank sebuah syarikat perunding yang

berperanan sebagai orang tengah," katanya.

Menurutnya, kedua-duanya direman enam hari selepas permohonan di hadapan Majistret Syed Farid Syed Ali dibuat di Mahkamah Majistret Jenayah 2, di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan, kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

"Mereka disyaki meminta dan menerima rasuah daripada syarikat pelabur"
Sumber



HARIAN METRO

22.01.2025 (RABU)

Reman 6 hari kemuka butiran palsu tuntutan

Melaka: Dua anggota tentera direman enam hari bermula semalam, bagi membantu siasatan selepas dipercayai mengemukakan butiran palsu bagi tuntutan elaun latihan pelatih berjumlah RM25,733.59, dua tahun lalu.

Perintah reman sehingga 26 Januari ini dikeluarkan Majistret Nabilah Nizam terhadap dua anggota terbabit yang masing-masing berpangkat koperal dan sarjan berusia 31 serta 42 tahun selepas dipohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, kedua-duanya ditahan jam 5.20 petang kelmarin, se-

lepas hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Melaka bagi membantu siasatan kes memalsukan tuntutan elaun pelatih yang tidak menghadiri latihan kem tahunan Siri 3/2023 di sebuah kem tentera di Muar, Johor.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie mengesahkan tangkapan itu.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009, sabit kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun dan denda lima kali nilai tuntutan palsu atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi.



HARIAN METRO

22.01.2025 (RABU)

Kangar: Seorang kakitangan jabatan kerajaan di negeri ini direman enam hari sehingga 26 Januari depan bagi membantu siasatan penyelewengan membabitkan tuntutan palsu wang bantuan kepada mualaf sebanyak RM132,000.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Ana Rozana Mohd Nor selepas suspek dibawa ke Mahkamah Majistret, di sini, oleh anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada jam 10 pagi semalam.

Sumber SPRM berkata, suspek berusia 28 tahun berasal dari Kangar itu dipercayai menyeleweng wang bantuan berkenaan dengan mengemukakan tuntutan palsu sejak 2022

SELEWENG WANG BANTUAN

Kakitangan jabatan kerajaan direman

hingga tahun lalu.

"Tuntutan palsu itu dikemukakan menerusi 49 dokumen membabitkan 49 mualaf yang membolehkan sumbangan terhadap mualaf itu dikeluarkan.

"Suspek dipercayai menjadi 'penghubung' atau 'orang tengah' dalam menyalurkan wang sumbangan berkenaan kepada mualaf yang berdaftar," katanya.

Menurutnya, wang bantuan yang dituntut suspek itu bagaimanapun tidak disalurkan kepada mualaf

di mana dia dipercayai menyeleweng wang bantuan berkenaan.

Katanya, suspek ditahan pada jam 4.30 petang kelmarin selepas dipanggil untuk memberi keterangan di Pejabat SPRM Perlis.

Suspek diwakili peguam Zuhair Ahmad Zakuan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perlis Mohd Nor Adha Ab Ghani mengesahkan penahanan suspek dan kes disiasat mengikut Sekyen 18 Akta SPRM 2009 kerana tuntutan palsu.



SINAR HARIAN

22.01.2025 (RABU)

Penjawat awam direman enam hari

Bantu siasatan kes tuntutan
palsu berjumlah RM132,000

KANGAR

Seorang penjawat awam di sebuah jabatan kerajaan negeri Perlis direman enam hari bagi membantu siasatan kes mengemukakan tuntutan palsu berkaitan bayaran sagu hati kepada saudara baharu berjumlah RM132,000. Menurut sumber, perintah reman hingga Ahad itu dikeluarkan Majistret Ana Rozana Mohd Nor selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret di sini pada Selasa.

"Lelaki berusia 28 tahun itu ditahan pada jam 4.30 petang Isnin ketika memberikan keterangan di pejabat SPRM negeri," kata sumber itu.

Sumber SPRM itu memberitahu, lelaki yang berperanan mengumpul dokumen saudara baharu dipercayai membuat tuntutan palsu untuk sumbangan melibatkan 49 muafak dari 2022 hingga 2024.

Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Gani ketika dihubungi Bernama mengesahkan penahanan tersebut.

Sementara itu di MELAKA, dua anggota tentera berpangkat kopersal dan sarjan di sebuah kem di Johor, direman enam hari bagi membantu siasatan berkaitan memalsukan elaun tuntutan pelatih berjumlah RM25,733.59, dua tahun lalu.

Perintah reman bermula Selasa sehingga Ahad ini dikeluarkan oleh Majistret Nabilah Nizam terhadap suspek lelaki masing-masing berusia 31 dan 42 tahun itu.

Menurut sumber, kedua-dua mereka ditahan selepas hadir ke pejabat SPRM Melaka untuk memberi keterangan, kira-kira jam 5.20 petang Isnin.

Katanya, individu yang merupakan jurulatih dipercayai mengemukakan butir matan palsu iaitu berkaitan tuntutan elaun latihan kem tahunan Siri 3/2023.



Tertuduh (dua dari kiri) ditahan jam 4.30 petang Isnin ketika hadir memberikan keterangan di pejabat SPRM Perlis.

"Sedangkan, terdapat anggota yang tidak menghadiri latihan itu yang diadakan di sebuah kem tentera di Muar, Johor kira-kira dua tahun lalu.

"Mereka kemudian meminta elaun kedatangan yang dibayar kepada pelatih tidak hadir," katanya.

Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut. Kes itu disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

HABAQ
MAI SAT



SINAR HARIAN

22.01.2025 (RABU)

Timbalan pengarah antara direman disyaki terima rasuah RM600,000

SEREMBAN – Dua individu termasuk seorang timbalan pengarah sebuah agensi kerajaan direman enam hari selepas disyaki meminta dan menerima rasuah RM600,000 daripada syarikat pelabur sebagai balasan bagi membantu memudahkan urusan mendapatkan kelulusan yang dipohon.

Perintah reman terhadap kedua-dua suspek berusia 40-an itu dikeluarkan Majistret, Syed Farid Syed Ali selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret di sini pada Selasa.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki ditahan kira-kira jam 5.30 petang pada Isnin ke-

tika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut dari tahun 2019 hingga 2024.

"Kedua-dua suspek disyaki menerima wang rasuah melalui transaksi pindahan ke akaun bank sebuah syarikat perunding yang berperanan sebagai orang tengah," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.



Dua individu berkenaan dibawa ke Mahkamah Majistret Seremban untuk permohonan reman pada Selasa.



SINAR HARIAN

22.01.2025 (RABU)

Kartel baja RM1.8 bilion: Bekas Pengurus Besar Nafas dituduh bulan ini

PUTRAJAYA - Bekas Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) akan dituduh bulan ini berhubung kes pengagihan dan perbekalan kontrak baja padi yang dianggarkan bernilai RM1.8 bilion.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan

Sri Azam Baki berkata, Op Ladang telah dilaksanakan selepas mengesyaki ada unsur rasuah membabitkan pembekalan baja padi bagi kontrak yang dinuguhkan kepada Nafas.

Menurutnya, SPRM membuka satu kertas siasatan di bawah Seksyen 16 Akta

SPRM 2009.

"Susulan itu, kita lengkapkan kertas siasatan dan menyerahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) pada 13 Disember lalu dengan syor dua pertuduhan terhadap seorang bekas Pengurus Besar Nafas.

"TPR bersetuju untuk menuduh individu

ini seperti disyorkan dan pertuduhan dijangka sebelum hujung bulan ini," katanya.

Sementara itu, katanya tiada sebarang kesalahan jenayah yang dikesan susulan siasatan terhadap dakwaan salah laku individu kepimpinan tertinggi Persatuan Badminton Malaysia (BAM) sebelum ini.

SPRM siasat 'orang dalam' PTG Johor

Sindiket tipu pindah milik tanah di Johor

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat kes penipuan pindah milik tanah tanpa pengetahuan pemilik asal yang dilakukan secara bersindiket membabitkan 'orang dalam' Pejabat Tanah dan Galian (PTG) di Johor.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya memandang serius berhubung isu rasuah dan penipuan berbentuk pemalsuan dokumen serta seumpamanya.

Katanya, apabila melibatkan entiti kerajaan terutama membabitkan pejabat tanah dan galian, perkara pertama bukan sahaja tentang pelanggaran proses tetapi juga di bawah Kanun Tanah

Negara serta isu rasuah.

"Kita telah menubuhkan satu pasukan di bawah SPRM Johor untuk siasat kes ini.

"Setakat ini kes di Johor dan berdasarkan pengalaman lepas, saya pernah nyatakan berlaku di beberapa negeri dan SPRM ambil tindakan seterusnya dan perlu lihat apa kelemahan undang-undang yang ada," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya di sini pada Selasa.

Tambah Azam, jadi bila hasil siasatan SPRM menunjukkan ada ruang dan peluang berlakunya penipuan

dan rasuah, pihaknya akan pergi lebih lanjut untuk lihat apa ruang dan peluang itu.

Pada Isnin, *Sinar Harian* menerusi laporan khas melaporkan kegiatan penipuan pindah milik tanah dikesan dilakukan secara bersindiket dengan membabitkan kakitangan yang mudah akses, data dan sistem maklumat berkomputer di PTG.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, kegiatan itu dilakukan bersindiket bagi memindahkan nama pemilik tanah.

Sindiket kemudian mengupah 'orang dalam' untuk mengeksploitasi sistem dengan memadam serta menghilangkan rekod-rekod berkaitan pindah milik hartanah.

Paling mengejutkan, ada beberapa kes yang polis terima mendapati nama pemilik tanah hilang daripada daftar pejabat tanah dan ini hanya mampu dilakukan dari dalam pejabat tanah.

AZAM



Tujuh kakitangan PDT Klang disiasat

SHAH ALAM - Tujuh individu yang ditahan dalam kes pindah milik tanah tidak sah di Selangor merupakan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang.

Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS), Datuk Dr Yusri Zakariah berkata, kes itu berlaku di PDT Klang November tahun lepas dan bukan di pejabat PTGS seperti dilaporkan media sebelum ini.

"Pegawai terlibat telah dikeluarkan dan dipindahkan ke jabatan lain sementara menunggu siasatan penuh oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Setakat ini mereka diletakkan bagi kerja melibatkan bukan pengurusan tanah," katanya mengulas laporan 17 individu termasuk tujuh pegawai pejabat tanah ditahan berhubung kegiatan pindah milik tanah.

Awal Januari lalu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf memaklumkan, kesemua mereka berusia 33 hingga 57 tahun dan pihaknya sedang menggiatkan usaha mengesan individu lain yang disyaki terbabit dalam kegiatan itu.

Ramli memaklumkan pihaknya tidak menolak kemungkinan kegiatan berkenaan dilakukan secara bersindiket dengan penglibatan 'orang da-

lam' di pejabat terbabit.

Yusri berkata, siasatan dalaman berhubung kes itu telah dilakukan dan dipercayai berlaku ketika proses penukaran sistem lama ke sistem baharu (sistem e-tanah).

Ujarinya, jabatan terlibat telah menjalankan analisis dan forensik, hasil dapat siasatan serta bukti tersebut telah diserahkan kepada PDRM untuk tindakan lanjut.

Beliau memberi jaminan sistem diguna pakai sekarang selamat dan kes pindah milik tidak sah itu berlaku disebabkan integriti pegawai itu sendiri.

"Ia disebabkan sikap individu itu sendiri yang mengambil peluang semasa penukaran sistem lama ke baharu dengan melakukan perkara tidak berintegriti ini.

"Ia turut didalangi sindiket luar dengan menjadikan orang dalam dari pejabat tanah itu untuk membuat penukaran data dalam sistem," katanya.

Ujar beliau, PTGS mengambil langkah meningkatkan lagi kesedaran integriti dan rasuah dalam kalangan kakitangan di Selangor dalam usaha mengekang kegiatan tersebut.

"Jika kes berulang, kita akan keluarkan anggota atau pegawai terlibat dalam urusan tanah.

"Pada masa sama akan siasat dan jika terbukti salah akan dikenakan tindakan tatabertib," katanya.



SINAR HARIAN

22.01.2025 (RABU)

Siasatan HRD Corp melibatkan dakwaan unsur jenayah

PUTRAJAYA - Siasatan kes berkaitan Pembangunan Sumber Manusia Bhd (HRD Corp) dijalankan sebelum ini melibatkan unsur jenayah yang didakwa berlaku dalam pengurusan agensi terbabit.

Ketua Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, siasatan dijalankan pihaknya merangkumi empat isu berdasarkan laporan audit yang dikeluarkan.

"Siasatan dijalankan melibatkan jenayah dan bukan berkaitan hal laporan audit, laporan dikeluarkan itu sekadar panduan untuk siasatan.

"Dalam siasatan dijalankan, ia memfokuskan kepada kemungkinan berlaku

unsur-unsur jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2008 atau Kanun Keseksaan seperti kesalahan melibatkan pecah amanah atau sebagainya," katanya.

Sinar Harian pada 9 Disember lalu melaporkan SPRM menafikan pihaknya menutup siasatan kes berkaitan HRD Corp yang dijalankan sebelum ini.

Azam berkata, perkara itu timbul berikutan satu laporan portal mendakwa seorang pegawainya memaklumkan bahawa siasatan berkaitan HRD Corp telah ditutup.

Menurut beliau, secara amnya pihaknya telah membuka beberapa fail siasatan terhadap HRD Corp.

Ujar beliau, pegawai SPRM juga diarahkan untuk memaklumkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bahawa kemungkinan pegawai terbabit merujuk kepada salah satu fail.

Sementara itu, katanya, SPRM merekodkan lebih RM116.69 juta melibatkan pembekuan aset di bawah Akta Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan menerusi operasi serta kes direkodkan tahun lalu.

Beliau berkata, pihaknya turut menyita pelbagai aset bernilai lebih RM97.90 juta menerusi operasi serta kes yang direkodkan dalam tempoh sama.

Dalam pada itu katanya ketua pegawai

operasi dan pengurus projek sebuah syarikat akan didakwa susulan siasatan kes rasuah berkaitan dua projek lebuh raya di Lembah Klang bernilai lebih RM4.8 bilion.

Azam Baki berkata, pihaknya telah menerima izin untuk mendakwa kedua-dua individu berkenaan.

"Ketua pegawai operasi syarikat konsesi itu dijangka menghadapi dua pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 pada 27 Januari ini.

"Manakala seorang lagi individu yang merupakan pengurus projek syarikat swasta akan menghadapi tiga pertuduhan di bawah akta yang sama pada 23 Januari," katanya.



BERITA HARIAN

23.01.2025 (KHAMIS)

Bekas pengarah kena tahan SPRM disyaki minta, terima rasuah

Suapan dipercayai diperoleh daripada syarikat bagi dapat projek pembekalan

Oleh Jawan Riduan
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan bekas pengarah sebuah agensi kerajaan di negeri ini kerana disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM110,000 daripada beberapa syarikat yang mendapat projek pembekalan dengan agensi tem-

pat suspek bertugas.

Suspek lelaki berusia lingkungan 50-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kota Kinabalu, pada jam 2.30 petang kelmarin.

Sumber berkata, siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan itu pada awal tahun lalu dan meminta rasuah untuk pegawai di bawah seliaannya.

"Suspek juga disyaki menerima suapan dalam bentuk barangan seperti mesin basuh, komputer riba, tablet, telefon pintar, gitar elektrik, peralatan gimnasium,



S Karunanithy

aksesori kereta dan pembayaran untuk pembelian motosikal," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy, ketika dihubungi mengesahkan penahanan lelaki berkenaan.

Katanya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

"SPRM turut menyita dan merampas semua barangan berkenaan," katanya.

Bagaimanapun, Karunanithy berkata, suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangan diambil.



HARIAN METRO

23.01.2025 (KHAMIS)



PASUKAN keselamatan dan suspek dibawa untuk pemeriksaan di sebuah gudang sekitar Lembah Klang.

RM8 juta rugi dek 'kautim'

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kegiatan seludup ratusan ribu rokok elektrik, vape tanpa lalui mesin pengimbas di Pusat Kargo KLIA

Kuala Lumpur

Seludup ratusan ribu rokok elektronik dan vape ke negara ini tanpa perlu melalui mesin pengimbas di Pusat Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Itu dilakukan sindiket lari cukai vape mengaut keuntungan menyebabkan negara kehilangan hasil kutipan cukai RM8 juta selepas disyaki 'kautim' dengan anggota penguat kuasa di pusat kargo untuk melepaskan konsainmen.

Modus Operandi itu berjaya dihidu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas menahan dua lori yang keluar dari pusat pemeriksaan kargo KLIA kelmarin.

Susulan itu, enam pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan lapan individu termasuk enam pengarah syarikat ditahan.

Hasil siasatan awal yang dijalankan membawa kepada serbuan di sebuah gudang di Jalan Kuchai Lama



SERBUAN secara besar-besaran dilakukan di dua gudang penyimpanan syarikat terbabit.

di sini, semalam menerusi Op Airways hasil intipan Bahagian Perisikan SPRM selama tiga bulan.

Wartawan Harian Metro mengikuti operasi dijalankan SPRM itu mendapati, ratusan ribu rokok elektronik dan vape disimpan di dalam gudang berkenaan.

Menurut sumber, serbuan secara besar-besaran

juga dilakukan di dua gudang penyimpanan syarikat berkenaan.

Hasil pemeriksaan bersama Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat JKDM menemui 32,000 vape yang dianggarkan cukai bernilai RM1.9 juta di dalam lori yang ditahan.

Sementara itu, hasil serbuan di sebuah gudang me-

nemu 90,000 unit vape yang dianggarkan cukai bernilai RM5.4 juta yang tidak dibayar pada JKDM.

"Di sebuah gudang lagi, SPRM turut menemui berpuluh ribu unit vape yang melibatkan jutaan ringgit yang tidak dibayar cukai pada JKDM.

"Setakat ini, hasil serbuan mendapati negara kehil-

ngan hasil kutipan cukai kira-kira RM8 juta, di mana kandungannya juga dikhuatiri membahayakan kesihatan pengguna," katanya.

Sumber berkata, hasil intipan yang dijalankan semua vape yang diseludup langsung tidak diikrarkan dan tiada sebarang dokumen dicatatkan.

"Ini menyerupai modus operandi kontena terbang dan pegawai-pegawai penguat kuasa yang bertugas didapati menerima ribuan ringgit bagi setiap kontena tanpa melalui mesin imbasan atau sebarang pemeriksaan," katanya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009.

Sementara itu, seramai 13 individu ditahan dipercayai terbabit dalam sindiket lari cukai vape itu terdiri daripada enam pegawai kastam dan enam individu termasuk empat pengarah direman selama empat hari manakala seorang lagi direman selama lima hari.



SINAR HARIAN

23.01.2025 (KHAMIS)

Sindiket dipercayai
merasuah pegawai kastam
di Pusat Kargo KLIA

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
KUALA LUMPUR

Kontena 'terbang' seludup vape

Sindiket penyeludupan rokok elektronik (vape) yang dipercayai memberi rasuah kepada pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Pusat Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang berjaya diumpaskan pada Selasa.

Kegiatan haram itu dibongkar Bahagian Perisikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Op Airways hasil inspan selama tiga bulan.

Menurut sumber, seramai 14 individu berusia lingkungan 20 hingga 60-an telah ditahan membabitkan enam pegawai JKDM dan lapan orang awam termasuk enam pengarah syarikat.

Penahanan dilakukan selepas penahanan dua buah Lori yang keluar dari pusat pemeriksaan kargo KLIA dan serentak itu, serbuan secara besar-besaran telah dilakukan di dua gudang penyimpanan syarikat-syarikat tersebut.

Hasil pemeriksaan bersama Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat JKDM telah menemui 32,000 vape yang dianggarkan melibatkan cukai bernilai RM1.8 juta di dalam Lori yang ditahan, katanya pada Rabu.

Selain itu, serbuan di salah sebuah gudang telah menemui sebanyak 60,000 unit vape yang dianggarkan cukai bernilai RM5.4 juta, manakala di sebuah gudang lagi turut menemui berpuluh ribu unit vape yang melibatkan jutaan ringgit yang tidak dibayar cukai kepada JKDM.

Tambahan sumber itu, setakat ini, hasil serbuan mendapati negara kehilangan hasil kutipan cukai kira-kira RM8 juta.

"Kandungan vape itu juga dikhuatiri membahayakan kesihatan pengguna," katanya.

Sumber itu berkata, dipercayai kesemua vape langsung tidak dikurangkan dan tiada sebarang dokumen dicatatkan.

"Ini menyerupai modus operandi kontena terbang dan pegawai-pegawai penguat kuasa yang bertugas didapati me-

Mahkamah & Jenayah

LAPORAN MUKA DEPAN



Sebuah gudang yang dironda SPRM dengan kerjasama JKDM di Kuchai Lama, Kuala Lumpur pada Rabu.



Seramai 13 suspek termasuk enam pegawai kastam ditahan reman oleh SPRM untuk membantu siasatan kes penyeludupan vape melalui Pusat Kargo KLIA.



AZAM

nerima ribuan ringgit bagi setiap kontena tanpa melalui mesin imbasan atau sebarang pemeriksaan," katanya.

Sementara itu, Ketua Penguatkuasaan SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan memberitahu, kes disiasat di bawah Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009.

Dalam pada itu, enam pegawai kastam dan enam individu termasuk empat pengarah syarikat ditahan selama empat hari manakala seorang lagi ditahan selama lima hari. Perintah reman

dikeluarkan Majistret Irza Zulakha Rohanuddin di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Rabu.

Seorang lagi suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Pada Rabu, wartawan Sinar Harian turut menyertai operasi di sebuah gudang yang menempatkan pelbagai barang elektronik di Kuchai Lama, Kuala Lumpur.

Tinjauan mendapati dua individu disyaki pengarah syarikat telah dibawa ke gudang berkenaan untuk pemeriksaan dokumen dan vape antaranya berpelembu jambu batu, anggur serta teh.

Operasi itu turut melibatkan Pasukan Taktikal SPRM (ACTS).



Astara rampasan vape yang dibuat menerusi Op Airways di salah sebuah gudang di Kuala Lumpur pada Rabu.

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

REKAMAN JAM 9:00 PETANG RABU

1 VIVY YUSOF, SUAMI DIDAKWA LAGI

2 TAKUT RAHSIA TERBONGKAR, REMAJA SOROK MAYAT BAYI BARU LAHIR DALAM BEG

3 INI BUKAN 'NEGARA POLIS'

4 RESTORAN TULAR HIDANG SHELL OUT GUNA PENYODOK

5 HAMAS BERI 'CENDERAHATI' KEPADA TAWANAN DIBEBASKAN

6 SEKOLAHKAN AHLI POLITIK

7 POLIS JUMPA PISTOL DALAM BAGASI LELAKI JATUH BANGUNAN

8 DUA MAUT, EMPAT LAGI TERSELAMAT KETIKA MANDI DI PANTAI

9 TRUMP PECAT EMPAT PEGAWAI LANTIKAN PRESIDEN BIDEN

10 AWAS DENDAM PRESIDEN TRUMP!



Salah seorang individu yang ditahan kes penyeludupan vape dibawa ke sebuah gudang di Kuala Lumpur.



Dua individu yang ditahan SPRM dibawa ke sebuah gudang di Kuchai Lama, Kuala Lumpur, pada Rabu untuk membantu siasatan berkaitan kegiatan penyeludupan vape.



BERITA HARIAN

24.01.2025 (JUMAAT)

Siasatan Op Sky

Enam lagi individu direman SPRM

Pegawai, bekas pegawai bank didakwa terima suapan lulus pinjaman peribadi.

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman enam lagi individu berhubung kes suapan sebagai balasan membantu memproses dan meluluskan permohonan pinjaman peribadi yang dikemukakan sebuah syarikat perunding kewangan.

Enam individu itu membabitkan pegawai dan bekas pegawai institusi perbankan berusia antara 20 hingga 40-an direman lima hari sehingga Isnin ini.

Perintah reman terhadap empat lelaki dan dua wanita itu dikeluarkan Majistret Irza Zulaiha Rohanuddin selepas permohonan dibuat oleh SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Dokumen maklumat palsu

Menurut sumber, keenam-enam suspek ditahan antara jam 3 hingga 4 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu



Enam individu direman di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto ihsan SPRM)

Pejabat SPRM di sini, berhubung Op Sky.

"SPRM menerima beberapa aduan dan maklumat berkaitan kegiatan rasuah yang dilakukan oleh pegawai institusi perbankan yang membantu memproses serta meluluskan permohonan pinjaman peribadi pelanggan melalui sebuah syarikat perunding kewangan.

"Pegawai ini dipercayai menerima rasuah daripada syarikat perunding kewangan yang bertindak menyediakan dokumen

dipercayai mengandungi maklumat palsu pelanggan yang ingin membuat pinjaman peribadi," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan supek berkenaan dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009.

Katanya, 19 individu yang sebelum ini ditahan reman sudah dibebaskan dengan jaminan SPRM.

SYARIKAT ATAU EJEN INI BOLEH MEMPERDAYA MELALUI:

Menawarkan pinjaman pendahuluan untuk selesaikan hutang sedia ada dan **membatalkan rekod CCRIS**



Membantu anda memohon beberapa pinjaman peribadi baharu untuk **membayar balik pinjaman pendahuluan, termasuk yuran perkhidmatan**

Menawarkan peluang pelaburan berisiko rendah serta menjanjikan **peluang bulanan yang tinggi**, jauh melebihi jumlah diperlukan untuk membayar balik pinjaman baharu anda



PEMPENGARUH

Memperoleh keyakinan anda dengan **menggunakan selebriti dan pempengaruh** untuk mempromosikan perkhidmatan mereka



Tawaran indah khabar dari rupa biasanya scam. Niat mahu perbaiki status kewangan sebaliknya membawa padah kerana hutang bertambah

Sumber: Bank Negara Malaysia



BERITA HARIAN

24.01.2025 (JUMAAT)

Kes rasuah projek lebuhraya

Pengurus projek didakwa terima suapan RM50,000

Johor Bahru: Seorang pengurus projek sebuah anak syarikat konsesi lebuhraya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tiga tuduhan menerima rasuah RM50,000 bagi membantu sebuah syarikat pembinaan mendapatkan projek pembinaan lebuhraya, dua tahun lalu.

Zairulnizam Rohani, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejourus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Siti Noraida Sulaiman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menerima suapan rasuah bernilai RM50,000 masing-masing menerusi tiga pemindahan dalam talian ke akaun milik isterinya.

Ia sebagai upah buat tertuduh yang juga pengurus projek sebuah anak syarikat konsesi lebuhraya membantu sebuah syarikat pembinaan, mendapatkan kerja membina dan menyiapkan projek lebuhraya.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah cawangan bank tempatan di Taman Universiti, di sini, pada 7, 12 dan 13 Disember 2023.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000, manamana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Asmah Zainal Ariffin, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Mohd Salleh Tugimin.

Terdahulu Timbalan Pendakwa Raya memohon mahkamah menetapkan jaminan RM30,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan dengan syarat tambahan pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah dengan tertuduh perlu melapor diri setiap bulan di Pejabat SPRM.

Rayu wang jaminan rendah
Bagaimanapun peguam tertuduh merayu supaya mahkamah menetapkan jaminan rendah dan tidak membebaskan.

"Ini kerana anak guam saya digantung tugas sejak Julai tahun lalu dan tidak mempunyai sebarang sumber pendapatan dengan akaun peribadi dibekukan, walaupun ketika bekerja sebelum ini menerima gaji sebanyak RM11,000 sebulan.

"Tertuduh juga disahkan doktor pakar mengalami darah beku di otak sejak April 2023, menyebabkan beliau sukar bertutur dengan jelas, selain tidak dapat mengingat fakta.

"Beliau juga perlu menanggung empat anak yang masih menuntut di pusat pengajian tinggi dan bersekolah, selain ibunya yang menderita sakit tulang belakang (slipped disc)," hujahnya.

Hakim kemudian memerintahkan tertuduh diikat jamin RM25,000 dengan seorang penjamin, selain pasport antarabangsanya diserahkan kepada mahkamah selain perlu melaporkan diri setiap bulan di Pejabat SPRM.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 24 Februari, bagi penyerahan dokumen.



Zairulnizam di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam. (Foto BERNAMA)



SINAR HARIAN

24.01.2025 (JUMAAT)

Op Sky: Enam lagi suspek ditahan

PUTRAJAYA - Enam lagi individu yang merupakan pegawai dan bekas pegawai institusi perbankan disyaki menerima rasuah berhubung pinjaman peribadi ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Rabu.

Menurut sumber, kesemua mereka yang ditahan dikenakan perintah reman selama lima hari sehingga Isnin oleh Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin.

Sumber berkata, perintah reman ke atas suspek terdiri daripada empat lelaki dan dua wanita itu diperolehi selepas SPRM membuat permohonan di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Khamis.

"Enam suspek yang berusia lingkungan 20 hingga 40-an telah ditahan antara jam 3

hingga 4 petang, Rabu ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM berhubung Op Sky.

"Mereka dipercayai menerima rasuah daripada syarikat perunding kewangan yang bertindak menyediakan dokumen dipercayai mengandungi maklumat palsu pelanggan yang ingin membuat pinjaman peribadi," katanya pada Khamis.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan tangkapan terhadap enam lagi suspek berkenaan.

Jelasnya, kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009.

Menurutnya, seramai 19 individu yang sebelum ini ditahan reman telah dibebaskan dengan jaminan SPRM.



HARIAN METRO

24.01.2025 (JUMAAT)

BANTU SYARIKAT DAPATKAN PROJEK PEMBINAAN LEBUH RAYA

Pengurus projek kena tiga pertuduhan terima rasuah RM50k

Johor Bahru: Seorang pengurus projek sebuah anak syarikat konsesi lebuhraya didakwa di Mahkamah Sesi di sini, semalam atas tiga pertuduhan menerima rasuah sebanyak RM50,000 bagi membantu sebuah syarikat pembinaan mendapatkan projek pembinaan lebuhraya, dua tahun lalu.

Tertuduh, Zairulnizam Rohani, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menerima suapan rasuah bernilai RM50,000, masing-masing menerusi tiga pemindahan dalam talian ke akaun milik isterinya.

Ia sebagai upah buat tertuduh yang juga pengurus projek sebuah anak syarikat konsesi lebuhraya itu membantu sebuah syarikat pembinaan terbabit mendapatkan kerja membina dan menyiapkan projek lebuhraya.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah cawangan bank tempatan di Taman Universiti di sini, pada 7, 12 dan 13 Disember 2023.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, yang

membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000, mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Siti Asmah Zainal Ariffin, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Salleh Tugimin.

Terdahulu, timbalan pendakwa raya memohon mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM30,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan dengan syarat tambahan pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah dengan tertuduh perlu melapor diri setiap bulan di Pejabat SPRM.

Bagaimapun, peguam tertuduh merayu supaya mahkamah menetapkan jaminan rendah dan tidak membebankan.

Hakim kemudiannya memerintahkan tertuduh dijamin sebanyak RM25,000 dengan seorang penjamin selain pasport antarabangnya diserahkan kepada mahkamah selain perlu melapor diri setiap bulan di Pejabat SPRM.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 24 Februari depan, bagi penyerahan dokumen.



HARIAN METRO

24.01.2025 (JUMAAT)

Johor Bahru: Pelbagai jenis mercun dan bunga api dirampas oleh Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua (W2) Johor dalam dua serbuan berasingan di Muar dan Mersing, Selasa lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk M Kumar berkata, serbuan dibuat menerusi Ops Taring Landai Khas yang dilancarkan sempena perayaan Tahun Baharu Cina dan juga susulan maklumat risikan operasi berkaitan penjualan mercun dan bunga api tiada kebenaran dari pihak berkuasa.

Menurutnya, sepasukan polis dari Unit Risik Markas Operasi PPM W2 Muar

Cuba beri suapan RM2.5k elak ditahan

dibantu Pasukan Siasatan Khas Jabatan KDNKA PDRM melakukan serbuan di Kawasan Perindustrian Parit Hulu, Jalan Bakri, Muar kira-kira jam 4.30 petang.

"Hasil pemeriksaan yang dijalankan dengan disaksikan penjaga premis iaitu seorang lelaki warga tempatan menjumpai pelbagai jenis mercun dan bunga api iaitu 319 kotak yang dianggarkan bernilai RM503,665.

"Lelaki berusia 40 tahun itu ditahan kerana gagal mengemukakan lesen yang sah berhubung pe-

milikan bahan letupan dan barang kes itu," katanya menerusi satu kenyataan media, malam kelmarin.

Sementara itu, beliau berkata, serbuan kedua dibuat kira-kira jam 10.30 malam ketika sepasukan polis dari Markas Taktikal

PPM W2 Mersing sedang menjalankan tugas pemantauan sebelum mengesan pergerakan sebuah Toyota Vios berwarna putih dipandu dalam keadaan yang mencurigakan.

Menurutnya, pasukan serbuan berjaya menahan

kereta yang dipandu seorang lelaki warga tempatan di kawasan Taman Desa Sri Endau, Mersing itu sebelum hasil pemeriksaan ke atas kereta itu menjumpai pelbagai jenis mercun serta bunga api yang disembunyikan di bahagian tempat duduk belakang dan but kereta.

"Lelaki berusia 24 tahun ditahan kerana gagal mengemukakan lesen yang sah berhubung pemilikan bahan letupan dan barang kes dirampas untuk siasatan lanjut.

"Ketika proses dokumentasi sedang dilakukan

di Pejabat Markas Taktikal PPM W2 Mersing, suspek beberapa kali cuba memberikan wang suapan berjumlah RM2,500 kepada pasukan operasi bagi mengelakkan dari diambil tindakan undang-undang walaupun amaran telah diberikan," katanya.

Menurut Kumar, kedua-dua suspek disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957 kerana memiliki bahan letupan, manakala suspek yang turut ditahan akibat cuba memberi sogokan kepada polis akan diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan lanjut.

"Hasil pemeriksaan yang dijalankan dengan disaksikan penjaga premis iaitu seorang lelaki warga tempatan menjumpai pelbagai jenis mercun dan bunga api iaitu 319 kotak yang dianggarkan bernilai RM503,665"

Ketua Polis Johor, Datuk M Kumar



SINAR HARIAN

24.01.2025 (JUMAAT)

Cuba sogok anggota polis RM2,500

Dua lelaki ditahan
miliki mercun, bunga
api tanpa lesen

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU

Seorang lelaki sanggup menyogok wang sebanyak RM2,500 kepada anggota polis untuk melepaskan diri daripada diambil tindakan undang-undang selepas didapati membawa pelbagai mercun dan bunga api tanpa lesen di Taman Desa Seri Endau, Mersing pada Isnin.

Ketua Polis Johor, Datuk M Kumar berkata, lelaki tempatan berusia 24 tahun itu ditahan ketika sepasukan polis dari Markas Taktikal PPM Wilayah Dua

Mersing menjalankan tugas pemantauan di kawasan berkenaan pada jam 10.30 malam.

Menurutnya, tindakan tersebut diambil selepas anggotanya mengesan pergerakan sebuah Toyota Vios berwarna putih dipandu dalam keadaan yang mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan ke atas kereta ini menjumpai pelbagai jenis mercun serta bunga api yang disembunyikan di bahagian tempat duduk belakang dan but kereta.

"Lelaki ini juga gagal mengemukakan lesen yang sah berhubung pemilikan bahan letupan," katanya dalam kenyataan pada malam Rabu.

Sebelum itu, Kumar berkata, pihaknya telah menahan se-



M KUMAR

orang lelaki berusia 40 tahun dalam satu serbuan di Kawasan Perindustrian Parit Hulu, Jalan Bakri, Muar pada jam 4.30 petang.

"Hasil pemeriksaan yang dijalankan dengan disaksikan penjaga premis telah menjumpai pelbagai jenis mercun dan bunga

api iaitu 319 kotak yang dianggarkan bernilai RM503,665.

"Lelaki warga tempatan ini ditahan kerana gagal mengemukakan lesen yang sah berhubung pemilikan bahan letupan dan barang kes ini," katanya.

Menurut Kumar, kedua-dua suspek disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957 kerana memiliki bahan letupan.

Suspek yang ditahan kerana cuba memberi sogokan akan diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Antara mercun dan bunga api yang dirampas dalam serbuan di Mersing dan Muar pada Isnin.

untuk siasatan lanjut, tambahnya.

Kedua-dua serbuan tersebut dilakukan menerusi Op Taring Landai Khas sempena sambutan Tahun Baharu Cina di Mersing dan Muar.

Ia melibatkan sepasukan polis dari Unit Risik Markas Operasi PPM Wilayah Dua Muar.

Turut sama Pasukan Siasatan Khas Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Polis Diraja Malaysia.



SINAR HARIAN

24.01.2025 (JUMAAT)

Rasuah pegawai ikut jenis lori

Kira-kira 20 buah lori keluar dari pusat kargo KLIA setiap hari

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI SHAH ALAM

Nilai rasuah diberikan kepada pegawai penguat kuasa di pintu masuk Zon Perdagangan Bebas (FCZ) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang berkaitan sindiket penyeludupan rokok elektronik vape dipercayai berjumlah RM6,000 sehari.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan

Sri Azam Baki berkata, nilai rasuah tersebut bergantung kepada jenis lori yang dilepaskan.

"Jika lori satu tan nilainya RM150, lori tiga tan (RM300), lima tan (RM500) dan atas lima tan (RM750):

"Kekerapan lori pelbagai jenis itu akan keluar dari FCZ KLIA adalah lebih kurang 20 buah lori sehari. Anggaran nilai rasuah yang diberikan pula adalah sekitar RM4,000 hingga RM6,000 sehari," katanya kepada Sinar Harian pada Khamis.

Beliau berkata, semua lori yang dilepaskan oleh pegawai penguat kuasa terbabit mempunyai pelbagai kesalahan ter-



AZAM

utamanya penyeludupan.

Mengulas mengenai Op Airways itu, Azam berkata, rampasan dan sitaan vape telah dibuat selain barang-barang lain seperti komputer, telefon bimbit, barangan berjenama dan wang tunai dengan nilai keseluruhan dianggarkan

sebanyak RM17,954,459.

"Berdasarkan hasil risikan dan siasatan, sindiket penyeludupan vape keluar dari FCZ KLIA ini aktif menjalankan kerja-kerja penyeludupan sejak tahun 2023.

"Buat masa ini, siasatan baru sahaja bermula dan masih dalam tindakan untuk mengenal pasti suspek lain serta penglibatan mereka dalam aktiviti sindiket tersebut," ujarnya.

Op Airways pada Selasa itu dijalankan hasil risikan selama tiga bulan.

Seramai 14 individu berusia lingkungan 20 hingga 60-an termasuk dua wanita telah ditahan antara jam 8 malam hingga 1 pagi (Rabu) di sekitar Lembah Klang dan Putrajaya.

Mereka yang ditahan terdiri daripada enam pegawai kastam



Wang tunai, jam tangan dan anting-anting adalah antara barangan yang dirampas dalam serbuan SPRM, Selasa lalu.

dan lapan orang awam termasuk enam pengarah syarikat.

SPRM turut menahan dua buah lori yang membawa keluar 32,000 unit vape dari pusat pemeriksaan kargo KLIA.

Pada masa sama, serbuan secara besar-besaran turut dilakukan di dua gudang penyimpanan yang dipercayai digunakan sindiket terbabit.

Di situ, SPRM menemui ratusan ribu unit vape lagi yang secara keseluruhan melibatkan kehilangan hasil kutipan cukai kira-kira RM8 juta.

Nilai rasuah lori vape di KLIA

- | | |
|-----------------|-------|
| • Lori 1 tan | RM150 |
| • Lori 3 tan | RM300 |
| • Lori 5 tan | RM500 |
| • 5 tan ke atas | RM750 |

Modus operandi sindiket ialah merasuah pegawai-pegawai penguat kuasa yang bertugas dengan habuan ribuan ringgit bagi setiap kontena tanpa melalui mesin imbasan atau sebarang pemeriksaan.

Bagi setiap lori vape yang dilepaskan, pegawai kastam terbabit menerima suapan antara RM150 hingga RM750.





SINAR HARIAN

24.01.2025 (JUMAAT)

KP Kastam tekad bebaskan JKDM daripada rasuah

SHAH ALAM - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan meneruskan operasi strategik bersama agensi penguat kuasa lain bagi membersihkan jabatan tersebut daripada jenayah rasuah.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, pihaknya secara konsisten tidak berkompromi dengan sebarang bentuk atau isu berkaitan rasuah, pelanggaran integriti dan

salah laku melibatkan anggota serta pegawainya.

Menurutnya, tindakan membanteras sindiket penyeludupan vape menerusi Op Airways bersama SPRM merupakan hasil kolaborasi strategik bersama Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat JKDM.

"Ini merupakan langkah semak dan imbang ke atas proses import eksport.

"Kita akan teruskan operasi strategik dalam pelbagai aspek bagi membersihkan jabatan ini berhubung isu rasuah. Ini tekad saya bagi memastikan JKDM

bebas daripada rasuah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Tegas Anis Rizana, pihaknya terbuka untuk bekerjasama rapat dengan agensi lain bukan sahaja SPRM, tetapi juga Polis Diraja Malaysia serta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan lain-lain.

Selasa lalu, Anis Rizana memberitahu JKDM sudah melaksanakan pusingan kerja



ANIS RIZANA

membabitkan 840 pegawai sekaligus membantu memberi impak signifikan termasuk mempertingkat integriti kakitangannya.

Beliau berkata, inisiatif terbabit bertujuan memelihara integriti warga kastam yang meng-

isi jawatan berisiko dan terdedah kepada salah guna kuasa, penyelewengan serta rasuah akibat

terlalu lama bertugas di sesuatu tempat.

"Pelaksanaan ini bukan saja mengukuhkan struktur organisasi tetapi juga memacu ke arah prestasi unggul dalam setiap aspek operasi jabatan," katanya.

Kenyataan beliau itu sebagai respons kepada arahan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar yang mahu Jabatan Perkhidmatan Awam meneliti dan melaksanakan pusingan kerja ke atas semua penjawat awam yang berkhidmat lebih lima tahun di kaunter perkhidmatan kerajaan.



HARIAN METRO

25.01.2025 (SABTU)

Harian Metro - 25/1/25 Penguat kuasa minta RM2,500 direman 4 hari

Kota Bharu: Mahkamah Majistret Kota Bharu mengeluarkan perintah reman empat hari terhadap seorang pegawai penguat kuasa yang didakwa meminta rasuah RM2,500 bermula semalam.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan Rosli Husain berkata perintah itu dikeluarkan oleh Majistret Rais Imran Hamid.

Beliau berkata reman

berkenaan bagi membolehkan SPRM menjalankan siasatan lanjut mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Kelmarin, Bernama melaporkan suspek berumur 30-an ditahan di pejabatnya di Gua Musang selepas SPRM menerima aduan daripada seorang lelaki bahawa suspek dikatakan meminta rasuah RM2,500 daripadanya atas kesalahan mengikut Seksyen 39A Akta Dadah Berbahaya 1952.



HARIAN METRO

25.01.2025 (SABTU)

KASTAM BERSUBAHAT SINDIKET SELUDUP ELAK CUKAI VAPE

SPRM BEKU 12 AKAUN, SITA ASET

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan 12 akaun dan beberapa aset alih berkaitan kes turut disita susulan penahanan enam pegawai kastam dan lapan orang awam terma-

suk enam pengarah syarikat terbabit sindiket penyeludupan dan pengelakan cukai membabitkan rokok elektronik atau vape.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, Bahagian Perisikan SPRM sudah merampas beberapa dokumen berkaitan seperti Airway Bill, pesanan pembelian, baucar pembayaran, pesanan penghantaran, dokumen Electronic Pre-Alert Manifest (ePAM), dokumen

K1 dan beberapa dokumen lain yang berkaitan kes.

Menurutnya, terdapat beberapa aset alih berkaitan kes yang disita dan sebanyak 12 akaun dibekukan buat masa ini.

"Kesemua pegawai kastam yang ditahan bermula dari gred WK19 sehingga WK22.

"Salah seorang daripada mereka berperanan sebagai *collector* yang menerima rasuah sebanyak RM4,000

sehingga RM6,000 sehari sebelum rasuah itu diagih-agihkan antara pegawai kastam yang lain," katanya.

Azam berkata, Bahagian Perisikan SPRM sudah mengenal pasti penerbangan yang membawa vape itu datang dari Macau dan Hong Kong namun usaha memastikan barang seludup itu berasal dari negara mana masih sedang giat dijalankan.



HARIAN METRO

25.01.2025 (SABTU)

Enam pegawai JKDM ditukar bahagian

Kuala Lumpur: Enam pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang ditahan berkaitan sindiket penyeludupan dan pengelakan cukai membabitkan rokok elektronik (vape) akan ditukar ke bahagian lain sehingga siasatan selesai.

Ketua Pengarah Kastam Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, pihaknya sedang mendapatkan pengesahan nama pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan akan disusuli dengan pertukaran.

Menurutnya, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan semua agensi termasuk SPRM dan tidak akan berkompromi.

"Nasihat saya, berkhidmatlah dengan penuh ikh-



RM8 juta rugi dek 'kautim'

Kegiatan seludup ratusan ribu rokok elektrik, vape tanpa lalui mesin pengimbas di Pusat Kargo KLIA

LAPORAN Harian Metro, 23 Januari lalu.

las, cekap, tangkas dan berintegriti.

"Sebagai agensi pemungut hasil negara, setiap warga JKDM bertanggungjawab untuk melaksanakan amanah ini dengan berintegriti," katanya.

Beliau berkata, warga JKDM perlu jauhkan diri daripada perkara yang melanggar undang-undang negara dan mencemar nama baik jabatan ini.

Terdahulu Harian Metro melaporkan SPRM membongkar sindiket penyelu-

dupan dan pengelakan cukai membabitkan rokok elektronik (vape) dengan ketirisan mencecah hampir RM8 juta.

Ia selepas SPRM menahan dua lori mencurigakan ketika keluar dari Pusat Pemeriksaan Kargo KLIA.

Hasil pemeriksaan menemukan 32,000 unit rokok elektronik bernilai RM1.9 juta yang tidak diikrar dalam lori berkenaan.

Serentak itu, serbuan secara besar-besaran dilakukan di dua gudang penyimpanan syarikat berkenaan.

Susulan itu enam pegawai kastam dan lapan orang awam termasuk enam pengarah syarikat ditahan dalam operasi sekitar KLIA dan ibu negara.



BERITA HARIAN

25.01.2025 (SABTU)

6 pegawai kastam ditukar sehingga siasatan selesai

JKDM tidak lindungi pegawai terbabit salah laku rasuah, tak berintegriti

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@bh.com.my

Kuala Lumpur: Enam pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang ditahan berkaitan sindiket penyeludupan dan pengelakan cukai membabitkan rokok elektronik dan vape ditukar ke bahagian lain yang tidak kritikal mulai hari ini sehingga siasatan kes selesai.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin, berkata kesemua pegawai ter-

babit tidak lagi ditugaskan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Beliau berkata, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan semua agensi, termasuk SPRM dan tidak akan berkompromi.

"Nasihat saya, berkhidmatlah dengan penuh ikhlas, cekap, tangkas dan berintegriti.

"Sebagai agensi pemungut hasil negara, setiap warga JKDM bertanggungjawab untuk melaksanakan amanah ini dengan ber-

Sebagai agensi pemungut hasil negara, setiap warga JKDM bertanggungjawab untuk melaksanakan amanah ini dengan berintegriti

Anis Rizana Mohd Zainudin,
Ketua Pengarah Kastam

Sindiket disyaki bayar penguat kuasa RM6,000 sehari

Jumlah rasuah yang diterima pegawai kastam disyaki menerima rasuah RM6,000 sehari.

Keratan akhbar BH semalam.

integriti," katanya.

Anis Rizana berkata, jauhkan diri daripada perkara yang melanggar undang-undang negara

dan mencemar nama baik jabatan.

Kerugian hampir RM8 juta

Terdahulu media melaporkan, SPRM membongkar sindiket penyeludupan dan pengelakan cukai membabitkan rokok elektronik dengan ketirisan mencecah hampir RM8 juta.

Ia selepas SPRM menahan dua lori mencurigakan ketika keluar dari Pusat Pemeriksaan Kargo KLIA.

Hasil pemeriksaan menemukan 32,000 unit rokok elektronik bernilai RM1.9 juta yang tidak diikrar dalam lori berkenaan.

Serentak itu, serbuan secara besar-besaran dilakukan di dua gudang penyimpanan syarikat berkenaan.

Susulan itu enam pegawai kastam dan lapan orang awam termasuk enam pengarah syarikat ditahan dalam operasi sekitar KLIA dan ibu negara petang kelmarin.





BERITA HARIAN

27.01.2025 (ISNIN)

Ops Sky

Perunding kewangan dikenakan caj 35 peratus jumlah pinjaman

Peminjam turut dikenakan bayaran sehingga 40 peratus jika mahu selesaikan hutang lapuk

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Syarikat perunding kewangan yang menguruskan pinjaman bank ribuan individu, termasuk penjawat awam dipercayai mengenakan bayaran sekurang-kurangnya 35 peratus daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.

BH difahamkan, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) mendapati, sebahagian mangsa tidak memperoleh semua pinjaman, sebaliknya perlu membayar peratusan tertentu kepada syarikat mendalangi sindiket yang ditumpaskan dua minggu lalu.

Selain kononnya mengenakan yuran perkhidmatan 35 peratus, sindiket turut menuntut caj sehingga 40 peratus sekiranya peminjam ingin menyelesaikan pinjaman sedia ada, hutang la-

puk atau pinjaman bertindih atau *multiple loan*.

Mangsa yang terdesak untuk membayar hutang terdahulu biasanya akan terjebak dengan taktik sindiket tanpa memikirkan kerugian dialami untuk masa panjang.

Kenakan yuran tinggi

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan sindiket berkenaan mengenakan yuran yang tinggi kepada mangsa.

Bellau berkata, hasil siasatan SPRM mendapati, sindiket berkenaan sudah mendapatkan pinjaman daripada pelbagai bank dan institusi kewangan mencecah RM700 juta yang kononnya untuk membantu mangsa, termasuk penjawat awam.

"Mereka menguruskan pinjaman *multiple loan* daripada pelbagai institusi kewangan secara serentak dan bersekongkol dengan pegawai bank yang akan memanipulasikan sistem yang ada.

"Peminjam pula akan dibebani hutang terlalu besar dan biarpun sindiket ini sudah dilumpuhkan, mereka (mangsa) akan kekal berhutang dengan bank dan perlu membayar hutang," katanya di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Azam berkata, siasatan Ops Sky yang digerakkan SPRM akan berterusan kerana ia membabitkan ramai

'Mangsa sindiket tak mampu bayar, pinjaman terlalu tinggi'

Keratan akhbar
BH, semalam.

mangsa dan dokumen.

"SPRM juga akan memanggil ramai saksi untuk bekerjasama dalam siasatan kes ini," katanya.

Kelmarin, *BH* melaporkan hampir keseluruhan daripada ribuan mangsa termasuk penjawat

awam terjebak dengan sindiket perunding kewangan yang tumpas dalam Ops Sky, baru baru ini berkemungkinan tinggi tidak mampu membayar semula hutang pinjaman yang dilakukan mereka.

Siasatan SPRM mendapati, mangsa kini terbeban dengan hutang yang terlalu tinggi sehingga melebihi daripada keupayaan pembayaran hutang.

Difahamkan, ada mangsa yang mempunyai hutang pinjaman yang mencecah sehingga tiga kali ganda daripada keupayaan kewangan mereka sendiri, sekali gus hutang itu dikatakan tidak akan

selesai dalam masa terdekat.

Sejak dua minggu lalu, SPRM menumpaskan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan dengan pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

La hasil penahanan 12 individu dalam serbuan oleh Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) di 24 lokasi, meliputi rumah kediaman dan pejabat di sekitar Lembah Klang Isnin lalu.

Siasatan mendapati hampir RM700 juta pinjaman bank sudah diluluskan kepada peminjam yang bermula sejak era pandemik COVID-19.

Susulan itu, SPRM sudah membekukan 98 akaun syarikat dan individu bernilai lebih RM22 juta yang dipercayai ada kaitan dengan pengubahan wang haram didalangi syarikat perunding kewangan.

Agensi antirasuah itu juga dijangkakan memanggil antara 15 hingga 20 pegawai bank untuk membantu siasatan dan dalam proses melakukan *money trail* terhadap akaun bank yang disiasat di bawah kesalahan rasuah dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).





BERITA HARIAN

29.01.2025 (RABU)

Bekas pegawai NAFAS dituduh terima suapan AS\$300,000

Tidak mengaku salah terima rasuah syarikat pembekal baja dari Singapura

Kuala Lumpur: Bekas pegawai Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertudu-

han menerima suapan berjumlah AS\$300,000 daripada syarikat pembekal baja Singapura, tiga tahun lalu.

Mengikut pertuduhan, Nordin Ibrohim, 77, didakwa menerima suapan, iaitu wang berjumlah AS\$300,000 daripada Kim Jong Kwa yang juga Pengarah Syarikat Sung Chang Asia Pte. Ltd, dengan memindah wang daripada akaun bank milik syarikat itu ke akaun bank milik tertuduh sebagai upah membantu syarikat itu dilantik sebagai pembekal baja kepada pesawah oleh NAFAS.

Nordin didakwa melakukan

perbuatan itu di sebuah bank di Plaza Mont Kiara di sini antara 16 November dan 21 Disember 2022, mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Penjara maksimum 20 tahun

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM, Abdul Muntaqim Abdul Aziz mencadangkan jaminan antara RM200,000 hingga RM300,000 bagi dua pertuduhan dengan seorang penjamin serta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan passport kepada mahkamah hingga kes selesai, melaporkan diri di pejabat SPRM berhampiran sebulan sekali dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

"Kesalahan ini bukan kesalahan biasa kerana ia membabitkan dana kerajaan. Apabila berlaku rasuah, peluang pekerjaan dan pelaburan akan terjejas dan

prosedur menjalankan perniagaan akan sukar," kata Abdul Muntaqim.

Peguaam Datuk Zamri Idrus yang mewakili tertuduh memohon jaminan yang rendah atas alasan anak guamnya yang juga pesara menanggung keluarga, selain menghidap penyakit diabetes.

Hakim Rosli Ahmad yang menetapkan sebutan kes pada 26 Februari ini membenarkan tertuduh diikat jamin RM100,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin serta syarat tambahan seperti dimohon pihak pendakwaan. **BERNAMA**



BERITA HARIAN

29.01.2025 (RABU)



Rostam di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, kelmarin.

COO Prolintas didakwa sekali lagi atas dua tuduhan rasuah

Shah Alam: Ketua Pegawai Operasi (COO) Kumpulan Prolintas, Rostam Shahrif Tami didakwa lagi di Mahkamah Sesyen atas dua tuduhan menerima rasuah RM110,000 bagi kontrak yang berkaitan dengan projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke).

Rostam, 59, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di depan Hakim Nasir Nordin.

Bagi tuduhan pertama, beliau didakwa menerima wang tunai RM90,000 di sebuah restoran di Puchong pada 20 Februari 2023 sebagai dorongan untuk menganugerah kontrak SUKE kepada Satunas Technologies Sdn Bhd.

Bagi pertuduhan kedua, Rostam didakwa menerima wang tunai RM20,000 di tempat letak ke-

COO syarikat konsesi lebuhraya dituduh terima rasuah



Keratan akhbar BH semalam.

reta ibu pejabat Lembaga Lebuhraya Malaysia di Kajang pada 27 Mac 2023, bagi memudahkan penganugerahan satu lagi kontrak SUKE kepada syarikat yang sama.

Rostam didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda minimum RM10,000, jika sabit kesalahan.

Hakim juga membenarkan permohonan Rostam agar kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dibicarakan bersama pertuduhan rasuah lain yang dihadapinya.

Nasir juga memutuskan syarat jaminan yang dikenakan oleh mahkamah Kuala Lumpur kelmarin akan terus terpakai dalam kes ini.

Rostam yang diarahkan bercuti daripada jawatannya di Prolintas sejak Julai tahun lalu, diwakili peguam Dzulkifli Ahmad, manakala pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Irna Julieza Maaras.

Kelmarin, Rostam didakwa atas pertuduhan menerima rasuah RM70,000 daripada seorang wakil Satunas Technologies bagi menganugerahkan pakej kerja SUKE kepada syarikat itu.



BERITA HARIAN

29.01.2025 (RABU)

DBKL siasat dakwaan ahli lembaga penasihat beri projek RM4 juta

Babit pelanggaran proses tadbir urus perolehan kerja tidak melalui tender terbuka

Oleh Kalbana Perumbanayagam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan siasatan dalaman berhubung dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihat yang dikaitkan dengan pemberian projek bernilai RM4 juta.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif, yang mengesahkan siasatan ini berkata beliau sedang bekerjasama rapat dengan unit integriti DBKL.

Dakwaan salah laku membabitkan ahli lembaga penasihat itu mula tular di media sosial semalam.

Ia membabitkan pelanggaran proses tadbir urus berkaitan perolehan projek kerja penerbitan bahan kreatif untuk DBKL bernilai RM4 juta, yang didakwa tidak diberikan melalui tender terbuka.

Hentikan projek RM71

Menurut dakwaan di media sosial, ahli lembaga penasihat tersebut dikatakan memegang jawatan dalam syarikat yang dianugerahkan projek berkenaan.

Dalam perkembangan berasingan, Maimunah mengesahkan beliau menghentikan sebuah projek bernilai RM71 juta yang dikaitkan dengan ahli lembaga penasihat sama, selepas memegang jawatan pada tahun lalu.

Katanya, beliau membuat ke-

Kami mengambil dakwaan ini dengan serius dan mengarahkan unit integriti untuk menyiasat dakwaan mengenai perolehan yang tidak wajar

Maimunah Mohd Sharif,
Datuk Bandar Kuala Lumpur



putusan itu kerana mendapati kosnya terlalu tinggi dan projek terbabit mungkin tidak mematuhi proses perolehan yang betul.

"Kami mengambil dakwaan ini dengan serius dan mengarahkan unit integriti untuk menyiasat dakwaan mengenai perolehan yang tidak wajar," kata Maimunah ketika dihubungi *The New Straits Times (NST)*.

Tambah beliau, unit integriti sedang dalam proses mendapat-

kan fakta untuk menentukan sama ada proses tadbir urus telah dipatuhi.

"Kami komited untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam semua urusan DBKL. Jika ada sebarang kesalahan ditemui, tindakan sewajarnya akan diambil," katanya.

Maimunah berkata, DBKL masih mengumpul maklumat dan bukti sebelum memutuskan langkah seterusnya, termasuk mem-

buat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

NST berusaha menghubungi ahli lembaga penasihat berkenaan untuk mendapatkan komen.

Sementara itu, SPRM sedia membantu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam siasatan terhadap dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihat berkaitan pemberian projek RM4 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata setakat ini tiada siasatan dibuka oleh pihaknya berhubung dakwaan itu.

"Jika DBKL ingin mendapatkan bantuan, saya tidak tiada sebarang masalah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu media melaporkan DBKL melancarkan siasatan dalaman berhubung dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihat yang dikaitkan dengan pemberian projek bernilai RM4 juta.



BERITA HARIAN

29.01.2025 (RABU)

Pegawai JSJK, sarjan didakwa terima rasuah

Johor Bahru: Seorang pegawai polis berpangkat Asisten Superintendan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tiga tuduhan meminta dan memperoleh rasuah membabitkan jumlah RM75,000, tiga tahun lalu.

Mohd Khairul Saberi Nyan, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah terhadapnya di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan pertuduhan pertama, lelaki itu sebagai pegawai polis yang bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor didakwa meminta suapan RM50,000 daripada seorang lelaki di pejabat jabatan berkenaan, jam 6 petang, 12 Oktober 2022.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga pula, lelaki itu didakwa memperoleh RM10,000 dan RM15,000

daripada individu sama masing-masing di sebuah restoran dekat Seri Alam jam 9 malam, 5 Disember 2022 dan di sebuah stesen minyak di sini, jam 2 petang, 14 Disember 2022.

Semua perbuatan itu didakwa dibuat sebagai dorongan bagi menyelesaikan kes dihadapi individu berkenaan membabitkan tawaran perniagaan jual beli minyak diesel yang tidak wujud.

Didakwa terima RM5,000

Sementara itu, di mahkamah sama, seorang anggota polis berpangkat sarjan mengaku tidak bersalah bagi dua pertuduhan memperoleh dan setuju menerima rasuah membabitkan RM5,000, tahun lalu.

Tertuduh, Michael Anak Umap, 50, sebagai anggota polis yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan

(JBS) didakwa memperoleh bagi dirinya RM1,000 ke dalam akaun bank miliknya daripada seorang wanita di sebuah bank dekat Kluang.

Tertuduh turut didakwa setuju menerima suapan RM4,000 daripada wanita berkenaan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor, pada jam 4.40 petang.

Kedua-dua perbuatan yang didakwa dilakukan pada 25 Ogos 2024 itu adalah sebagai dorongan bagi membantu mengurangkan hukuman ke atas bekas suami wanita itu yang sedang disiasat Bahagian Siasatan Jenayah IPD Johor Bahru Selatan.

Pendakwaan terhadap kedua-dua tertuduh dibuat mengikut Seksyen 16(a)(B) dan Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Mereka berdepan hukuman

penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Asmah Zainal Ariffin dan Muhammad Asraf Mohamed Tahir, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Atuffah Said.

Mahkamah membenarkan Mohd Khairul Saberi diikat jamin RM12,000, manakala Michael dibenarkan ikat jamin RM7,000.

Mereka turut dikenakan syarat tambahan perlu menyerahkan pasport antarabangsa ke mahkamah dan lapor diri di Pejabat SPRM Negeri Johor sebulan sekali.

Kedua-dua ditetapkan untuk sebutan semula pada 13 Mac depan bagi serahan dokumen.



HARIAN METRO

29.01.2025 (RABU)



KHAIROL Nizam dibenarkan diikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan.

Penjawat awam didakwa buat tuntutan palsu

Kuala Lumpur: Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mengemukakan borang palsu berhubung bayaran perkhidmatan juru runding, tiga tahun lalu.

Mengikut pertuduhan, Khairul Nizam Mohd Nopus, 39, sebagai pembantu tadbir di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ketika kejadian) menggunakan satu borang permohonan untuk perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja jabatan berkenaan.

Borang itu yang ditandatangani tertuduh pada 8 Mac 2022 mengandungi pernyataan palsu iaitu pembayaran bagi perkhidmatan Juru Runding bagi Oasis Ilmu Bahagian 3 Tahun 2022 berjumlah RM2,150, sedangkan perkhidmatan terbabit tidak dilaksanakan.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, dekat sini, pada Mac 2022 mengikut Seksyen 18 Akta Su-



HARIAN METRO

29.01.2025 (RABU)

SPRM tahan individu cuba sogok RM18,500

Segamat: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Segamat menahan seorang individu kerana kesalahan memberi rasuah, kelmarin.

Menurut sumber, suspek lelaki berumur 30 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Segamat kira-kira jam 3 petang.

Difahamkan, suspek ditahan anggota polis ketika pemeriksaan terhadap sebuah kenderaan Toyota Hilux dinaiki bersama empat rakan lain dan semakan kad pengenalan kesemua individu itu mendapati mereka mempunyai rekod lampau dadah serta jenayah.

"Pemeriksaan lanjut dibuat terhadap badan dan kenderaan yang dinaiki menjumpai pelbagai jenis dadah dan alatan yang disyaki untuk jenayah pe-



Ketika proses tangkapan, suspek menyogok anggota polis dan memberikan wang rasuah RM18,500 dan meminta tidak ditangkap"

Sumber

cah rumah.

"Ketika proses tangkapan, suspek menyogok anggota polis dan memberikan wang rasuah RM18,500 dan meminta tidak ditangkap," kata sumber itu.

Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009. - Bernama



SINAR HARIAN

29.01.2025 (RABU)

Rasuah AS\$300,000: Bekas pegawai Nafas didakwa

Kes membabitkan pengagihan kontrak baja bernilai RM1.8 bilion

KUALA LUMPUR

Bekas pegawai Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) didakwa terima suapan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah AS\$300,000 (RM1.3 juta) daripada syarikat pembekal baja Singapura, bga tahun lepas.

Mengikut pertuduhan, Nordin Ibrahim, 77, didakwa menerima suapan iaitu wang berjumlah AS\$300,000 daripada Kim Jong Kwa yang merupakan Pengarah Syarikat Sung Chang Asia Pte Ltd dengan memindah wang daripada akaun bank milik syarikat tersebut ke akaun bank milik tertuduh sebagai upah membantu syarikat itu dilantik sebagai pembekal baja kepada pesawah oleh Nafas.

Nordin didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah bank di Plaza Mont Kiara di sini antara 16 November dan 21 Disember 2022, mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima



Tertuduh didakwa melakukan perbuatan tersebut di sebuah bank di Plaza Mont Kiara, Kuala Lumpur antara 16 November dan 21 Disember 2022.

kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM Abdul Muntaqim Abdul Aziz mencadangkan jaminan antara RM200,000 hingga RM300,000 bagi dua pertuduhan dengan seorang penjamin serta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah hingga kes selesai, melapor diri di pejabat SPRM berhampiran sebulan sekali dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

"Kesalahan ini bukan kesalahan biasa kerana ia melibatkan dana kerajaan. Apabila berlaku rasuah, peluang

Mahkamah & Jenayah

pekerjaan dan pelaburan akan terjejas dan prosedur menjalankan perniagaan akan sukar," kata Abdul Muntaqim.

Peguam Datuk Zamri Idrus yang mewakili tertuduh memohon jaminan rendah atas alasan anak guamnya yang merupakan pesara menanggung keluarga selain menghidap penyakit diabetes.

Hakim Rosli Ahmad yang menetapkan sebutan kes pada 26 Februari ini membenarkan tertuduh diikat jamin RM100,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin serta syarat tambahan seperti dipohon pihak pendakwaan. - Bernama



SINAR HARIAN

29.01.2025 (RABU)

ASP, Sarjan polis didakwa minta, terima rasuah

JOHOR BAHRU - Seorang pegawai polis berpangkat Asisten Superintenden (ASP) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas tiga tuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM75,000 tiga tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Khairul Saberi Nyan, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah setelah kesemua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan pertuduhan pertama, Mohd Khairul yang bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor didakwa meminta wang rasuah RM50,000.

Ia sebagai dorongan tidak mengambil tindakan ke atas seorang individu yang disyaki terlibat dalam tawaran perniagaan jual beli minyak diesel tidak wujud.

Perbuatan itu didakwa dilakukan bapa tiga anak itu di JSJK,

IPK Johor jam 6 petang pada 12 Oktober 2022.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, pegawai polis itu didakwa memperoleh RM10,000 dan RM15,000 daripada individu yang sama masing-masing di sebuah restoran dekat Seri Alam pada pukul 9 malam, 5 Disember 2022 dan di sebuah stesen minyak di sini jam 2 petang 14 Disember 2022.

Sementara itu, di mahkamah sama, seorang anggota polis berpangkat Sarjan yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan didakwa menerima dan setuju menerima rasuah RM5,000 daripada seorang wanita tahun lalu.

Tertuduh, Micheal Anak Umap, 50, mengaku tidak bersalah sejurus dua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Kamal.

Mengikut pertuduhan pertama, Micheal didakwa menerima



Kedua-dua tertuduh dibawa ke mahkamah pada Selasa.

rasuah RM1,000 daripada seorang wanita berusia 29 tahun bagi mengurangkan hukuman ke atas bekas suami wanita terbabit yang sedang disiasat.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah bank terkemuka di

Kluang pada 25 Ogos 2024.

Manakala pertuduhan kedua, lelaki itu didakwa bersetuju menerima RM4,000 daripada individu sama bagi tujuan yang sama.

Kesalahan itu didakwa dilakukan pegawai rendah polis itu di

Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor pada jam 4.45 petang hari yang sama.

Pertuduhan ke atas mereka dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(B) dan Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta yang sama.

Kedua-dua tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Siti Asmah Zainal Arifin dan Muhammad Asraf Mohamed Tahir, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Atuffah Said.

Mahkamah kemudian membenarkan Mohd Khairul diikat jamin sebanyak RM12,000, manakala Michael dibenarkan ikat jamin sebanyak RM7,000.



SINAR HARIAN

31.01.2025 (JUMAAT)

SPRM guna AI siasat jenayah rasuah

Blockchain rekod transaksi, AI kesan corak penipuan

PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengintegrasikan teknologi blok rantai (*blockchain*) dan kecerdasan buatan (AI) dalam operasi serta siasatan bagi memerangi taktik jenayah rasuah yang semakin berkembang.

Ketua Pesuruhjaya, Tan Sri Azam Baki dalam kenyataan pada Khamis berkata, perkembangan teknologi dari semasa ke semasa turut membawa kepada cabaran baharu dalam menangani jenayah rasuah yang semakin kompleks.

Ia merangkumi jenayah siber, penipuan mata wang kripto dan penyalahgunaan AI yang menjadikan kegiatan jenayah semakin canggih, sukar dijejak serta sering bersifat transnasional.

"Kemajuan teknologi sebenarnya boleh dimanfaatkan (contohnya) dengan penggunaan AI termasuk penggunaan dari aspek analitik data serta teknologi *blockchain*.

"*Blockchain* membolehkan rekod transaksi yang tidak boleh diubah manakala penggunaan AI dapat mengesan corak penipuan dan ketidakteraturan kewangan,"

katanya.

Kenyataan itu dikeluarkan sempena ucapatama Azam pada Persidangan Antarabangsa Ketiga Dalam Teknologi, Kemanusiaan dan Pengurusan (ICTHM) 2025 di Maldives.

Azam berkata, SPRM ketika ini telah melengkapkan pegawainya dengan alat forensik yang canggih serta perisian data analitik yang pelbagai jenis termasuk menyediakan latihan khusus dalam bidang seperti kewangan, perakaunan, kejuruteraan serta teknologi.

Beliau berkata, Bahagian Perisikan, Bahagian Forensik Teknologi (BFT) dan Bahagian Analisa Kewangan (BAK) SPRM diletakkan berada di barisan hadapan dengan kelengkapan dan kepakaran terkini untuk menjalankan forensik digital serta siasatan kewangan.

"Malah, atas usaha ini, Makmal Forensik SPRM baru-baru ini menerima akreditasi ISO/IEC 17025:2017 yang mengesahkan pengiktirafan global terhadap kerja analisis forensik dalam bidang teknologi," katanya.

Beliau berkata, SPRM turut menyokong penggunaan platform digital seperti sistem e-perolehan yang mempromosikan ketelusan dalam perolehan awam dan per-

alihan kepada sistem tanpa tunai yang mengurangkan rasuah serta salah urus dana awam.

"Sistem seperti ini memastikan bahawa subsidi, kebajikan dan gaji dipindahkan terus kepada penerima manfaat tanpa perantara sekali gus mengurangkan peluang berlakunya rasuah," katanya.

Sementara itu, Azam berkata SPRM komited memantau sektor-sektor utama seperti penguatkuasaan undang-undang, perolehan awam dan rasuah besar (*Grand Corruption*) sebagai satu daripada agenda utama memerangi rasuah serta ketirisan.

Komitmen itu, sejajar dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) Malaysia yang bertujuan mengukuhkan integriti, ketelusan dan akauntabiliti di pelbagai sektor.

"SPRM mengutamakan pembangunan berterusan pegawai dengan menghantar mereka ke program latihan khusus yang relevan untuk memperluas pengetahuan serta kemahiran mereka," katanya.

Beliau berkata, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) turut memainkan peranan penting dalam membentuk kepimpinan beretika serta memperkukuh usaha antirasuah melalui pendidikan dan kerjasama antarabangsa. - Bernama

AZAM

